

2B
546
28/6/13

PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGABELAS
2013

JAWAPAN – JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG
TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

08 JULAI 2013 – 11 JULAI 2013



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2013

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 08 JULAI 2013

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9, 11 HINGGA 91)**

SOALAN NO. 5 DIJAWAB BERSEKALI NO. 68

**SOALAN NO. 53 DIJAWAB BERSEKALI NO. 64 DAN
NO. 114 (TENOM - JAWAB BUKAN LISAN (BERTULIS))**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO. SOALAN : 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH : 08.07.2013 (ISNIN)**

**DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan bilakah Kedai Rakyat 1 Malaysia
diwujudkan di Lawas.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2013, Kerajaan menyasarkan sebanyak 57 buah KR1M akan dibangunkan di Sabah, Sarawak dan Labuan di mana sekurang-kurang sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen di negeri tersebut. Sehingga kini, pihak Kementerian sedang mengenalpasti lokasi yang sesuai dan menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi membangunkan KR1M di kawasan Lawas walaupun beberapa siri lawatan telah diadakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN ABDUL [PENDANG]
TARIKH : 8 JULAI 2013
SOALAN :

Dato' Wira Othman Abdul [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah projek Hospital Daerah Pendang akan diteruskan memandangkan projek ini telah lebih 15 tahun tergendala. Bolehkah Kementerian memberikan sebab-sebab kelewatannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Hospital Pendang ini telah dicadangkan untuk dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tetapi ditangguhkan pelaksanaannya menjelang Kajian Separuh Penggal Pertama RMK-9 oleh kerana kekangan peruntukan.

Walau bagaimanapun, Projek Hospital Pendang ini telah diluluskan pelaksanaannya di dalam RMK-10. Projek ini dikenalpasti untuk dilaksanakan melalui kaedah pembiayaan secara *Private Finance Initiative* (PFI) yang dikoordinasikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Buat masa ini, kerja-kerja pengukuran tapak dan *soil investigation*. (SI) sedang dilaksanakan bagi melengkapkan dokumen projek bagi tujuan tender (*Request For Proposal Document*).



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : 8.7.2013
SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil program 1 pelajar 1 laptop dan perbezaannya dengan program Chromebook yang baru diumumkan, serta berapakah kos program Chromebook, bilakah pelaksanaannya, jumlah pelajar yang terlibat dan siapakah pembekalnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum memulakan Program 1 pelajar 1 *device* dan mengikut perancangan KPM, program ini akan dilaksanakan pada tahun 2014. Manakala *Chromebook* merupakan peralatan komputer seumpama notebook tetapi menggunakan teknologi awan (*cloud computing*) untuk beroperasi iaitu dengan menggunakan Google **Chrome OS**.

Untuk makluman, semua data pengguna disimpan di cloud dan *Chromebook* hanya merupakan *device* untuk mengakses akaun pengguna. Pengguna boleh menggunakan mana-mana *Chromebook* kerana maklumat dan data pengguna tidak disimpan dalam *Chromebook* tetapi di ruang penyimpanan di *cloud*. Kos bagi setiap unit *Chromebook* adalah RM1,200 dengan 3 tahun tempoh jaminan,

charging cart, latihan guru dan akses percuma ke VLE. Jumlah makmal yang terlibat adalah sebanyak 2,839 makmal dengan jumlah *Chromebook* adalah sebanyak 116,399 unit melalui pembekal YTLC Sdn Bhd. Projek *Chromebook* ini sedang dilaksanakan oleh KPM bermula Jun 2013.

Rjm 65



PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**
[JERANTUT]
TARIKH : **8 JULAI 2013 (ISNIN)**
SOALAN : **Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris** minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan langkah-langkah yang telah
diambil bagi memastikan bekalan tenaga buruh di
sektor pertanian mencukupi dan apakah jaminan
Kementerian agar bekalan tenaga buruh tidak
membawa masalah kepada pengeluaran hasil
pertanian.

JAWAPAN OLEH : **Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**
TANI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, masalah kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian sememangnya serius. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil langkah untuk membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing bagi membuat kerja-kerja dalam sektor pertanian dan di ladang-ladang. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Imigresen bagi membenarkan pengambilan pekerja-pekerja asing.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berpandangan bahawa sektor ini tidak boleh bergantung kepada pekerja-pekerja asing ini buat

selama-lamanya. Sehubungan itu, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ialah seperti berikut:

- (i) Menggalak penggunaan Automasi dan Mekanisasi untuk peningkatan hasil/produktiviti pertanian;
- (ii) Meningkatkan kemudahan dan infrastruktur latihan di 13 buah Pusat latihan di bawah Kementerian bagi menambahkan bilangan pengambilan pelatih;
- (iii) Meningkatkan kapasiti pengambilan pelatih Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dari 700 orang kepada 2500 orang setiap tahun; dan
- (iv) Menaik taraf sebanyak 20 buah Institut Latihan Pertanian.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

**TARIKH JAWAPAN : 8 JULAI 2013
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 14

SOALAN

YB Puan Teresa Kok Suh Sim minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa syarikat yang berjaya mendapat kuota insentif untuk tenaga solar daripada SEDA melaksanakan projek mereka. Apakah langkah yang diambil oleh SEDA terhadap syarikat yang tidak melaksanakan projek dan bilakah SEDA akan mengadakan garis panduan baru untuk kuota insentif bagi tenaga solar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Mei 2013 sebanyak 240 buah syarikat telah berjaya mendapat kuota bagi solar PV dengan jumlah kapasiti sebanyak 171.23 MW. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat SEDA Malaysia sentiasa memantau kemajuan projek yang telah diluluskan. Melalui Sistem e-FiT yang digunakan, amaran akan dikeluarkan kepada pemegang kelulusan Tarif Galakan atau *Feed-in Approval Holder* (FiAH) apabila tarikh *milestones* yang telah diisytiharkan semakin hampir. Sekiranya pihak FIAH gagal mematuhi *milestones* yang telah diisytiharkan, FiAH diminta untuk mengemukakan sebab yang kukuh dan munasabah bagi meminda tempoh *milestones* yang terlibat untuk dipertimbangkan. Sekiranya alasan yang diberikan adalah tidak kukuh, SEDA Malaysia tidak akan teragak-agak untuk menarik balik kelulusan FIA yang telah diberikan.

SEDA Malaysia sentiasa menambah baik proses pelaksanaan Mekanisme FIT bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lebih

telus, adil dan saksama. Bagi solar PV, beberapa ketetapan baru telah dibuat sejak awal pelaksanaan Mekanisme FiT seperti berikut:

- i) Menghadkan permohonan solar PV individu kepada 2 permohonan dengan kapasiti maksimum sebanyak 12kW untuk setiap permohonan;
- ii) Mewajibkan pemohon bukan individu untuk mengisytiharkan semua pemegang saham syarikat (sehingga ke pemegang saham mutlak);
- iii) Menghadkan jumlah pegangan kuota Solar PV untuk setiap pemegang saham (individu) kepada maksimum 5 MW;
- iv) Menghadkan jumlah pegangan kuota Solar PV untuk bukan individu kepada maksimum 30 MW;
- v) Untuk kategori solar PV bukan individu, setiap pemegang saham syarikat dihadkan kepada hanya 1 permohonan yang berjaya dalam sehari;
- vi) Memastikan pemohon bukan individu memiliki modal berbayar berikut sebelum permohonan kuota solar PV dapat dibuat:-
 - i. RM 20 ribu atau lebih untuk permohonan kuota Solar PV bukan individu tidak melebihi kapasiti 72kW; dan
 - ii. RM 50 ribu atau lebih untuk permohonan kuota solar PV bukan individu melebihi 72kW

Kesemua peraturan ini boleh dirujuk melalui dokumen *Guidelines and Determinations of the Sustainable Energy Development Authority Malaysia* bertarikh 20 Februari 2013 yang telah dimuatnaik ke laman sesawang SEDA Malaysia. Adalah diharapkan dengan ketetapan-ketetapan baru yang dibuat, pelaksanaan Mekanisme FiT akan lebih cekap dan berkesan serta memberi peluang yang sama rata kepada semua pihak untuk menyertainya.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai peraturan baru mengenai pelaksanaan program bantuan kebajikan dan program 1AZAM untuk rakyat miskin kerana program ini mendapat banyak bantahan serta ketidakpuasan hati rakyat terhadap pelaksanaan projek tersebut yang mana didapati tidak adil.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH), sistem pangkalan data eKasih digunakan sebagai sumber rujukan utama dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan. Sistem eKasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2008 berperanan untuk mendaftarkan golongan berpendapatan rendah ke dalam tiga (3) kategori iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin di seluruh Malaysia.

Dalam hal ini, Program 1AZAM yang dilaksanakan di bawah NKRA LIH ditawarkan kepada ketua isi rumah (KIR) atau ahli isi rumah (AIR) kategori miskin dan miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih. Selain itu, dalam usaha untuk memberikan peluang kepada golongan berpendapatan rendah yang belum didaftarkan dalam sistem eKasih menyertai Program 1AZAM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku peneraju NKRA LIH menggunakan senarai penerima bantuan

Jabatan Kebajikan Masyarakat dan golongan berpendapatan rendah iaitu isi rumah yang berpendapatan RM2,300 sebulan ke bawah (bottom 40% households) seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak dan berpotensi untuk berjaya terlibat dalam Program 1AZAM, maka bermula Januari 2013, sesi verifikasi kepada pemohon Program 1AZAM dilaksanakan di mana agensi di bawah Kementerian membuat temu duga di rumah pemohon.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM yakin penambahbaikan yang dilakukan dari semasa ke semasa dapat meningkatkan pencapaian sasaran Program 1AZAM bagi menambah pendapatan isi rumah berpendapatan rendah supaya mereka mampu hidup berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]
TARIKH : 8 JULAI 2013
SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tarikh diluluskan, tarikh mula dan tarikh dijangka siap projek pembinaan Hospital Bachok. Apakah kesan buruk kepada rakyat akibat kelewatan pembinaan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Hospital Bachok merupakan salah satu projek yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan* ke-2, RMK10. Pihak Kementerian Kewangan telah melantik juruperunding bagi membangunkan rekabentuk projek ini dan akan dilaksanakan secara konvensional oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini sedang dalam proses menyediakan rekebentuk konsep.

Projek ini dijangka dapat ditender pada bulan Julai 2014 dan kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada November 2014. Projek ini dijangka siap pada November 2018.

Dengan terbinanya Hospital ini, akan dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan bagi penduduk Daerah Bachok dan penduduk-penduduk lain yang berhampiran tanpa perlu lagi berulang atau dirujuk ke hospital-hospital lain seperti Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) (25km), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian (20km); atau ke Hospital Tengku Anis (HTA), Pasir Putih (30km). Ini secara tidak langsung akan mengurangkan beban perbelanjaan bagi mendapatkan rawatan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 08 JULAI 2013
SOALAN :**

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah pembinaan 'Minor Specialist Clinic' di Hospital Limbang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Limbang, Sarawak adalah sebuah hospital berpakar yang mempunyai 100 buah katil dengan kadar penggunaan katil sebanyak 39% (2012). Jumlah kedatangan pesakit ke klinik pakar Hospital Limbang adalah seramai 2,338 orang pada tahun 2011 dan seramai 2,066 orang pesakit pada tahun 2012.

Hospital tersebut kini, mempunyai dua perkhidmatan kepakaran asas iaitu Pediatrik dan Obstetrik & Ginekologi, dengan setiapnya seorang pakar residen menjadikan jumlah seramai 2 orang pakar.

Perkhidmatan lawatan pakar dari Hospital Miri turut disediakan di Hospital Limbang bagi tujuan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran. Lawatan pakar ini adalah secara berkala iaitu setiap sebulan hingga tiga bulan sekali meliputi disiplin Perubatan, Ortopedik, Pembedahan, Pediatrik, Psikiatri, dan Oftalmologi.

Terdapat perancangan pada masa akan datang untuk menaik taraf Hospital Limbang dengan menambah bilangan disiplin kepakaran, bilangan pakar dan keperluan fizikal tambahan seperti wad-wad dan perkhidmatan sokongan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan perancangan tersebut bergantung kepada kemampuan kewangan pihak Kementerian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan sekolah perantaraan Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu cara untuk meningkatkan taraf Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan. Namun, bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid membolehkan maklumat

melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan murid dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

Rjm 66



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM

TARIKH: 8 JULAI 2013

SOALAN:

Datuk Joseph Salang Anak Gandum [Julau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah dalam memberansangkan buruh tempatan menjadikan kerja-kerja 3D, kerjaya yang bukan memalukan tetapi kerja yang lumayan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

PR-1311-L53507

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kebergantungan negara terhadap pekerja asing adalah bersifat sementara dan keutamaan penggajian adalah kepada pekerja tempatan. Kebanyakan pekerja asing yang diambil ini tertumpu dalam bidang pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous & Difficult*) terutama di sektor pembuatan, pembinaan dan pertanian yang sangat kurang diceburi oleh pekerja tempatan.


2. Sebagai mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan dalam masa yang sama berusaha menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja di sektor - sektor ini, Kerajaan telah merangka beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang antaranya seperti berikut:

- a. Penguatkuasaan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) melalui Perintah Gaji Minimum 2012, telah menetapkan gaji minimum bagi semua pekerja sebanyak RM900.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800.00 sebulan bagi Sabah dan Sarawak.
- b. Bayaran khas kepada pekerja ladang, di mana Kerajaan telah mengarahkan syarikat-syarikat perladangan di bawah *Government Linked Companies* (GLC) dan syarikat perladangan swasta untuk membuat bayaran berkenaan kepada pekerja mereka. Syarikat perladangan ini telah bersetuju untuk membayar sebanyak RM 200 kepada pekerja mereka untuk meningkatkan kualiti hidup dan menarik minat pekerja tempatan. Perkara ini telah berkuatkuasa 1 Julai 2011.
- c. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengadakan rundingan dengan majikan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain-

lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan;

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan berharap dengan langkah-langkah yang dinyatakan di atas dapat menjadikan kerja-kerja 3D sesuatu kerjaya yang berpendapatan tinggi dan dalam masa yang sama boleh mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor-sektor terbabit.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 8 JULAI 2013

RUJUKAN : 5476


SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan purata harian bilangan anggota polis yang menjalani kerja perondaan di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin, serta cara perondaan mengikut nisbah pada tahun 2000 sehingga Jun 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan nisbah jumlah anggota polis mengikut peranan pekerjaan utama dari tahun 2008 sehingga Jun 2013 bagi Parlimen Bandar Kuching ialah 1 anggota PDRM : 1182 penduduk, dan Parlimen Stampin ialah 1 anggota PDRM : 1563 penduduk. Peranan pekerjaan utama yang kerap kali dilakukan antaranya melakukan '*Meet and Greet*', '*Community Policing*', lawatan, rondaan dalam membuat pencegahan jenayah pada sesuatu kawasan.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]
TARIKH : 8.7.2013
SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kebaikan dan kelemahan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah serta kesannya terhadap beban kerja para guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperkenalkan di sekolah-sekolah kerajaan merupakan satu transformasi sistem pentaksiran kebangsaan daripada berfokuskan peperiksaan berpusat kepada sistem pentaksiran pendidikan yang lebih holistik, rujukan standard, lebih fleksibel, dan seimbang dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:


- Mengiktiraf pentaksiran berasaskan sekolah
- Mengurangkan tekanan terhadap peperiksaan berpusat
- Mewujudkan sistem pentaksiran yang membolehkan guru mentaksir semasa mengajar dan murid ditaksir semasa belajar
- Mewujudkan satu pangkalan data perkembangan murid

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS mentaksir proses

dan produk secara formatif dan sumatif iaitu mengamalkan konsep *assessment for learning* dan *assessment of learning*. Komponen PBS terdiri daripada dua (2) kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Pentaksiran sekolah dilaksanakan dalam bentuk pentaksiran formatif dan sumatif. Melalui pentaksiran formatif guru boleh menilai pencapaian kemahiran murid semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlaku. Manakala pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. Ini bererti ujian bulanan atau ujian penggal boleh dibuat di sekolah mengikut kesesuaian. Kerja rumah atau latihan yang diberi juga merupakan sebahagian daripada pentaksiran yang masih dijalankan di sekolah.

Rjm 67



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 08.07.2013

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan sama ada Kerajaan akan menunaikan janji membina 20,000 unit rumah mampu milik di Pulau Pinang, sistem monorel yang dijanjikan pada 2006 serta 200 bas tambahan Rapid Penang (dijaji sejak 2010) untuk mengatasi kesesakan trafik. Apakah kos perbelanjaan serta nyatakan apakah program infrastruktur jalan yang dicadangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk

memastikan janji-janji yang dibuat ditepati dan dilaksanakan untuk manfaat rakyat keseluruhannya. Manfaat yang diberikan adalah tidak terhad kepada negeri-negeri tertentu sahaja, malahan segala aspek perancangan dan pembangunan mengambil kira kesejahteraan rakyat di semua negeri di mana tiada rakyat yang akan terpinggir dari menikmati arus pembangunan negara.

Sebagai Kerajaan yang sentiasa menepati janji dan mendahulukan rakyat, Kerajaan akan melaksanakan pembinaan perumahan mampu milik di Pulau Pinang sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Bagi peringkat awal, Kerajaan komited untuk membina 9,999 buah rumah mampu milik dan kos rendah di mana antara lokasi yang dikenal pasti adalah; Air Itam, Air Putih dan Paya Terubong. Dalam pada itu, pembinaan rumah mampu milik dan kos rendah tambahan juga sedang dalam pertimbangan dan akan diumumkan setelah dimuktamadkan.

Kerajaan sedia maklum akan keperluan untuk menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam di semua negeri di mana secara dasarnya segala perancangan untuk mempertingkatkan mutu

perkhidmatan pengangkutan awam sedang diselaraskan dan di dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melalui satu pelan perancangan strategik yang komprehensif iaitu Rangka Kerja Nasional Pengangkutan Awam Darat. Oleh hal yang demikian, Negeri Pulau Pinang turut diberikan perhatian dalam usaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam di negeri tersebut melalui penyediaan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat khusus untuk Negeri Pulau Pinang. Penyediaan rancangan berkenaan adalah penting dan bertujuan untuk menampung permintaan pengangkutan awam dalam tempoh 20 tahun akan datang di Negeri Pulau Pinang selaras dengan kehendak Seksyen 3(3)(b), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Sehubungan dengan ini, cadangan pelaksanaan sistem monorel di Negeri Pulau Pinang dan integrasinya dengan sistem-sistem pengangkutan awam yang lain akan diteliti oleh SPAD semasa penyediaan rancangan berkenaan.

Selain itu, sukacitanya dimaklumkan bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang bakal menikmati kemudahan pengangkutan awam bas baru yang lebih cekap dan selesa di mana Kerajaan melalui RapidBus Sdn Bhd (subsidiari

Syarikat Prasarana Negara Bhd sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) yang mengendalikan perkhidmatan bas RapidPenang akan membekalkan 200 buah bas secara berperingkat. Sebanyak 80 buah bas dijangka akan memulakan perkhidmatan pada suku tahun keempat 2013 dan baki 120 buah bas lagi dijangka akan memulakan perkhidmatan pada tahun 2014.

Mengenai kos perbelanjaan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, anggaran kos bagi pembinaan rumah mampu milik masih belum ditentukan kerana pada masa ini ia masih di peringkat awal perancangan. Manakala kos perbelanjaan untuk sistem monorel dijangka akan ditentukan semasa SPAD membuat Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri Pulau Pinang. Bagi pembekalan 200 buah bas baru RapidPenang, kos perbelanjaan terlibat adalah dianggarkan berjumlah RM134 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan pelan strategik *Highway Network Development Plan (HNDP)*, dalam *Rolling Plan ke-3 (2013-2014)*, Kerajaan akan melaksanakan tiga projek infrastruktur jalan

raya di Negeri Pulau Pinang iaitu:

- (i) Menaiktaraf Jalan Negeri (P10) dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah;
- (ii) Menaiktaraf Bayan Lepas Expressway dari Batu Maung Ke Jambatan Pulau Pinang; dan
- (iii) Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT006 dari Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas.

Tambahan lagi, Kerajaan juga telah mengenal pasti empat projek infrastruktur jalan raya untuk dicadangkan dilaksanakan dalam *Rolling Plan* ke 4 (2014-2015). Projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Menaik taraf Laluan FT001 dari Jambatan Tuanku Abdul Rahman (Sek.757) ke Jambatan Merdeka (Sek.782), Seberang Perai Utara, Pulau Pinang;
- (ii) Menaik taraf Laluan FT3111 dari Jejambat Bukit Tengah ke Persimpangan Lebuhraya Butterworth-Kulim, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang;

(iii) Membina Jalan dari Laluan FT001 di Jawi ke Persimpangan Bertingkat Jambatan Kedua Pulau Pinang, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang; dan

(iv) Membina Jalan Pintasan Sg Dua, dari Jalan Negeri P198 ke Jalan Negeri P203, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.



PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG
KAWASAN : AYER HITAM
TARIKH : 8 JULAI 2013, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG (AYER HITAM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kaedah penjimatan kos pembinaan serta menghindar pembaziran dalam semua projek pembinaan yang dijalankan. Adakah JKR mengguna pakai pendekatan nilai tender terendah dalam penawaran kontrak dan berapa peratusan kontraktor yang berjaya memperoleh projek berdasarkan bidaan terendah (*lowest bid*).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan bagi menangani isu-isu dan masalah yang sering berlaku dalam pengurusan projek Kerajaan. Ini termasuklah mengurangkan ketirisan sekali gus mengelakkan berlaku pembaziran akibat daripada pertambahan kos sesuatu projek. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menangani isu dalam pengurusan projek ini ialah seperti berikut:

1. Memastikan peruntukan yang mencukupi sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan;
2. Isu-su berkaitan pengambilan balik tanah dan masalah tapak diselesaikan terlebih dahulu sebelum pelantikan kontraktor;
3. Mengurangkan *Variation Order* (VO) melalui penglibatan secara langsung semua pihak yang berkaitan, khususnya Agensi Pelanggan semasa perancangan dan penyediaan ringkasan projek;
4. Memperketatkan kriteria pelantikan juru perunding dan kontraktor menerusi penambahbaikan dalam garis panduan dan surat-surat pekeliling Kerajaan;
5. Menguatkuasakan penggunaan *Industrialised Building System* (IBS), iaitu sekurang-kurangnya 70% dalam setiap projek Kerajaan; dan

6. Memantapkan etika dan integriti dalam sektor pembinaan menerusi kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan harga tender yang munasabah dan mengambil kira perakuan harga pasaran semasa, Kerajaan antara lain telah memutuskan penentuan kemunasabahan harga sesuatu tender itu dibuat berdasarkan perbandingan dengan satu paras harga *cut-off*. Kaedah penilaian tender secara harga *cut-off* adalah mengikut kaedah statistik ke atas harga-harga tender yang diterima, termasuk Anggaran Harga Jabatan sebagai salah satu daripada harga tender. Harga *cut-off* ini ialah merujuk kepada paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan oleh Jawatankuasa Tender di peringkat kementerian. Oleh itu harga tender yang lebih rendah daripada harga *cut-off* dianggap sebagai terlampau rendah dan tidak menjamin kemampuan petender dalam melaksanakan projek.

Penentuan harga *cut-off* ini telah diguna pakai dalam penilaian semua tender Kerajaan sejak dari tahun 2004. Walau bagaimana kaedah penilaian ini dikecualikan untuk projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan secara tender terhad, tender untuk projek *design and build* dan tender terbuka yang disertai kurang daripada 10 petender yang menggunakan kaedah penilaian Anggaran Harga Jabatan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
(ALOR SETAR)**

TARIKH : 4 JULAI 2013 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu, termasuk meminda bahagian-bahagian Perlembagaan Persekutuan berkenaan untuk memastikan bahawa sebarang persempadanan semula kawasan Pilihan raya yang dijalankan oleh SPR dari sekarang akan mengikut prinsip "one man, one vote, one value".

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan urusan persempadanan kerana peruntukan sedia ada dianggap masih sesuai. Dalam urusan persempadanan, semua pihak boleh memainkan peranan masing-masing kerana cadangan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya dipamerkan kepada orang ramai untuk mendapatkan cadangan balas, terpulanglah kepada pihak Ahli Yang Berhormat untuk memberi maklumbalas kepada cadangan kajian semula persempadanan yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

SPR tidak dapat memperseimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Pada amnya kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh

undang-undang sepertimana diperuntukkan di bawah Fasal 2, Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip yang berhubungan dengan penyempadanan bahagian-bahagian pilihan raya. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN : 25

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan strategi RTM1 dan BERNAMA TV ke arah usaha penyatuan nasional bagi masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia sentiasa berusaha memastikan media arus perdana melaksanakan secara bersepadu melalui semua medium untuk menjayakan penyatuan nasional.

RTM dan BERNAMA TV sedang melaksanakan proses transformasi dalam usaha untuk meningkatkan prestasi penyiaran dalam era penyiaran yang semakin berkembang pada masa kini. Sebagai media rasmi kerajaan, RTM turut cuba meningkatkan khalayak melalui program-program yang menarik untuk setiap saluran TV dan Radio di seluruh negara.

RTM dan BERNAMA TV dalam usahanya untuk memupuk semangat perpaduan nasional sentiasa memastikan bahan-bahan siaran sama ada dalam bentuk drama, filem, bual bicara, treler, promo, *tit-bits* dan sebagainya mengandungi semangat perpaduan nasional dan cintakan negara.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.07.2013

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diadakah atau akan diadakan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan-pelanggan bank-bank agar tidak dieksploitasi oleh bank-bank, dari segi pengenaan caj-caj dan interest penalti yang begitu tinggi.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak pelaksanaan Garis Panduan Pengenaan Fi dan Caj ke atas Produk dan Perkhidmatan Kewangan (Garis Panduan) oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2004, setiap caj baru atau semakan untuk menaikkan caj sedia ada oleh institusi perbankan ke atas pelanggan individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

memerlukan kelulusan Bank Negara Malaysia.

2. Caj yang hendak dikenakan ini mestilah berlandaskan Prinsip Panduan Fi dan Caj yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang bertujuan untuk memastikan caj yang dikenakan adalah wajar dan bersesuaian dengan khidmat yang diberikan. Sekiranya caj yang dicadangkan didapati tidak menepati keperluan Garis Panduan, institusi perbankan dikehendaki supaya mengurangkan kadar caj yang dicadangkan ataupun dilarang terus daripada mengenakan caj tersebut. Sehingga penghujung 2012, 35% daripada fi dan caj yang dicadangkan oleh institusi perbankan ditolak atau dikurangkan oleh Bank Negara Malaysia akibat tidak menepati keperluan Garis Panduan.

3. Selain itu, bagi memastikan pengguna maklum akan kadar caj yang dikenakan, institusi perbankan diarah untuk menyediakan butiran fi dan caj di semua cawangan dan laman web masing-masing untuk rujukan pengguna. Institusi perbankan juga dikehendaki memberi notis kepada pelanggan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum meminda sebarang terma dan syarat bagi produk dan perkhidmatan kewangan termasuk fi dan caj. Bagi membantu pengguna membuat perbandingan fi dan caj yang dikenakan oleh institusi perbankan, Bank Negara Malaysia telah menyediakan jadual perbandingan fi dan caj yang biasa dikenakan ke atas produk kewangan seperti akaun simpanan, akaun semasa, pinjaman perumahan dan kad kredit. Jadual ini boleh dirujuk di laman sesawang *bankinginfo*. Pengguna dinasihatkan untuk membuat perbandingan ke atas fi dan caj yang dikenakan bagi membolehkan mereka membuat

keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang lengkap.

4. Bank Negara Malaysia juga membuat pemantauan melalui pemeriksaan di premis dan laman sesawang institusi perbankan untuk memastikan tahap kepatuhan institusi terhadap Prinsip Panduan serta memastikan institusi perbankan tidak mengenakan caj yang tidak munasabah. Di antara tahun 2009 hingga 2012, beberapa institusi perbankan telah diarahkan untuk membayar balik kepada pelanggan sejumlah RM31.7 juta fi dan caj yang dilarang atau fi yang pada pandangan Bank Negara Malaysia adalah terlalu tinggi dan tidak selaras dengan Prinsip Panduan Fi dan Caj. Antara contoh fi tersebut ialah fi kajian semula tahunan (*annual review fee*), caj peringatan (*reminder fee*), fi pemprosesan bagi pinjaman peribadi (*processing fee for personal financing*) dan fi penyelenggaraan bagi akaun simpanan (*maintenance fee*).

5. Pengguna boleh menghubungi Bank Negara Malaysia dan memberikan maklumat secara khusus mengenai institusi perbankan yang mengenakan fi yang tidak munasabah agar siasatan lanjut dapat dijalankan seperti di alamat dan nombor telefon di bawah:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) atau TELELINK
Tingkat Bawah, Blok D,
Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 1 300 88 5465 (LINK)

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-

- (a) oleh kerana ramai pemilik dan penghuni kondominium yang menderita akibat kualiti pengurusan yang teruk, apakah Kementerian akan merangka satu sistem atau 'Standard Operation Procedure' yang holistik untuk dipatuhi oleh pemaju dan syarikat-syarikat pengurusan semua kondominium dan apartment di Kuala Lumpur; dan
- (b) apakah Kementerian akan terus memantau syarikat-syarikat pengurusan ini agar sentiasa memenuhi tanggungjawab mereka dan seterusnya mengambil tindakan kepada yang gagal.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- Bagi maksud menguruskan bangunan berstrata (pangsa), Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 atau Akta 663 telah memberi kuasa dan tanggungjawab pengurusan dan penyenggaraan kepada penduduk untuk memilih jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan penduduk bagi melaksanakan kerja-kerja pengurusan secara kolektif.
- Jawatankuasa ini dikenali sebagai Badan Pengurusan Bersama "*Joint Management Body*" (JMB) dibawah Akta 663 dan Perbadanan Pengurusan "*Management Corporation*" (MC) dibawah Akta Hakmilik Strata (Akta 318).
- Walaubagaimanapun, kuasa dan tanggungjawab pemantauan dan penguatkuasaan kualiti pengurusan bangunan berstrata (pangsa) diberikan kepada Pesuruhjaya Bangunan (Datuk Bandar / Yang DiPertua) Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.
- Dalam peruntukan Akta 663 sedia ada, sekiranya Pesuruhjaya Bangunan (Datuk Bandar / Yang DiPertua) mendapati pengurusan sesebuah bangunan berstrata (pangsa) dalam keadaan tidak

memuaskan, Pesuruhjaya tersebut diberi kuasa untuk mengambil tindakan dengan dua (2) kaedah:

- i) Mengarahkan Badan Pengurusan Bersama "*Joint Management Body*" (JMB) / Perbadanan Pengurusan "*Management Corporation*" (MC) mengadakan Mesyuarat Agung Luarbiasa bagi melantik jawantankuasa (JMB / MC) yang baru bagi mengambilalih pengurusan dan penyenggaraan atau;
- ii) Melantik Ejen Pengurusan (EP) bagi mengambilalih tanggungjawab sepenuhnya dalam satu tempoh masa yang ditetapkan. EP yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan mestilah ejen yang berdaftar dibawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah (Akta 242).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Julai 2013

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 8 JULAI 2013

RUJUKAN : 5482

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengikut negeri dan bulan sejak tahun 2012, statistik penjenayah menembak dengan senjata api dan statistik polis melepaskan tembakan senjata api, berapa orang maut dalam kes-kes itu, kaedah-kaedah utama penyeludupan senjata api dan tindakan susulan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman statistik kes pembunuhan dengan menggunakan senjata api mengikut negeri dan bulan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:-

KONTINJEN	BULAN												
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUM
KEDAH		1		1		1			1				4
P. PINANG		1							1			2	4
PERAK			1		2		1		1		2		7
SELANGOR			3	2		2	1	2	2			3	15
K.LUMPUR	1							2		1			4
N/SEMBILAN					1								1
MELAKA			1										1
JOHOR	2	1				1	1				1		6
PAHANG		1			1					1		1	4
TERENGGANU	1							1					2
KELANTAN		1		1		1	1					1	5
SABAH		1			1		1			1			4
SARAWAK	3			1			2		2	1	2		11
JUMLAH	7	6	5	5	5	5	7	5	7	4	5	7	68

Statistik Penjenayah yang di tembak mati mengikut warganegara bagi tahun 2012 adalah seperti berikut;-

KONTINJEN	BULAN				JUMLAH
	MELAYU	CINA	INDIA	INDONESIA	
P.PINANG	1	1		5	7
PERAK	1			4	5
SELANGOR	4		4	6	14
K.LUMPUR	10				10
N.SEMBILAN				3	3
PAHANG	1	1			2
KELANTAN	3				3
JUMLAH	20	2	4	18	44

Kebanyakan senjata api yang di gunakan untuk melakukan jenayah dipercayai di seludup ke negara ini melalui negara jiran. Pergerakan keluar masuk pada kadar yang kerap, kesibukan lalu lintas di pintu-pintu masuk serta interaksi ekonomi antara penduduk di kawasan sempadan membuka peluang kepada aktiviti penyeludupan. Kewujudan lorong-lorong tikus di sepanjang sempadan juga telah di gunakan penduduk tempatan untuk menyeludup masuk senjata api ke Negara ini.

Di samping itu juga, hubungan kekeluargaan dan faktor geografi seperti di sempadan Malaysia-Thailand yang mana kedudukan Sungai Golok antara Thailand dan Rantau Panjang yang begitu hampir juga mewujudkan rangkaian yang mendorong kepada aktiviti penyeludupan.

Bagi mengatasi masalah penggunaan senjata api secara haram ini, langkah yang telah di ambil adalah seperti berikut:-

- 1) PDRM dan agensi-agensi penguat kuasa yang bertugas di sempadan seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) , Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) sentiasa memperketat kawalan dan penguatkuasaan dari masa ke semasa dan berkongsi maklumat dan menjalankan operasi secara bersepadu bagi membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan.**
- 2) PDRM telah melaksanakan dua (2) jenis operasi khas dari masa ke semasa iaitu:-**
 - i) OPS LARAS**
 - Adalah merupakan operasi khas yang di laksanakan oleh pasukan khas bertujuan mengambil tindakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan senjata api di kawasan sempadan Negara berdasarkan kepada maklumat dan risikan yang diperoleh.**
 - ii) OPS API**
 - Adalah merupakan operasi khas bagi mengambil tindakan terhadap kes-kes jenayah yang berlaku di dalam Negara di mana melibatkan penggunaan senjata api.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan raya menjalankan tugas secara berkecuali dari Jabatan Perdana Menteri. Sila juga jelaskan sama ada cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen akan menjejaskan tugas dan sikap berkecuali anggotanya memandangkan SPR mentadbir pilihan raya umum untuk memilih anggota Parlimen.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa dan kebebasan mutlak SPR diperuntukkan dalam undang-undang. Hakikatnya kerana, penubuhan badan ini adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan umpamanya, menyebut bahawa keanggotaan Suruhanjaya ini hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota lain.

Justeru, secara dasarnya, SPR adalah merupakan sebuah institusi di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong, yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di Negara ini, menerusi sistem pilihan raya yang bebas, adil dan saksama, dengan melaksanakan bidang kuasanya, yang telah ditetapkan mengikut Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, yang merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan membuat kajian dan persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada 8 tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu; menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR menjalankan tugas dan tanggungjawab berdasarkan kepada Peruntukan Undang-Undang dan peraturan yang ditetapkan. Tidak timbul persoalan SPR menjalankan tugas mengikut arahan mana-mana pihak.

Sebagai contoh dalam memutuskan perkara besar seperti penetapan tarikh pilihan raya, tarikh penamaan calon dan tempoh berkempen dalam sesuatu pilihan raya, SPR memutuskannya sendiri tanpa merujuk atau mendapat arahan daripada mana-mana pihak.

Sekian. Terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 8 JULAI 2013
SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pakar di Kementerian dengan pecahan mengikut bidang kepakaran dan juga pecahan mengikut bilangan tahun sejak mereka didaftarkan sebagai pakar - kurang daripada 5 tahun, 6 hingga sepuluh tahun dan lebih daripada 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2013 terdapat seramai 3,561 orang Pegawai Perubatan Pakar sedang berkhidmat di KKM. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 1,643 orang Pegawai Perubatan Pakar dalam pelbagai bidang kepakaran berkhidmat kurang daripada 5 tahun, 1,141 orang berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun dan 777 orang berkhidmat melebihi 10 tahun. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:-

BIL	BIDANG KEPAKARAN	< 5 TAHUN	6-10 TAHUN	> 10 TAHUN	JUMLAH
1	Bedah Pediatrik	3	3	4	10
2	Bedah Plastik	8	5	9	22
3	Bedah Umum	106	99	55	260
4	Bius	161	94	71	326
5	Dermatologi	3	4	10	17
6	Otorhinolaringologi (ORL)	66	34	19	119
7	Forensik	10	2	8	20
8	Kardiologi	4	15	8	27
9	Kardiorasik		2	6	8
10	Kesihatan Awam	129	237	61	427
11	Nefrologi	7	10	27	44
12	Neurosurgeri	11	7	9	27
13	Obstetrik & Ginokologi	117	83	65	265
14	Oftalmologi	85	55	32	172
15	Ortopedik	117	53	49	219
16	Patologi	103	35	57	195
17	Pediatrik	102	76	99	277
18	Perubatan Dalaman	246	80	42	368
19	Perubatan Respiratori	4	7	8	19
20	Psikiatri	69	38	30	137
21	Radiologi	102	66	39	207
22	Radioterapi & Onkologi	12	4	1	17
23	Neurologi	6	5	6	17
24	Keluarga	70	60	47	177
25	Penyelidik		10	3	13
26	Nuklear	3	2	3	8
27	Perubatan Paliatif		2		2
28	Urologi	2	15	6	23
29	Rehabilitasi	20	7		27
30	Kecemasan	70	31	2	103
31	Perubatan Transfusi	7		1	8
	JUMLAH KESELURUHAN	1,643	1,141	777	3,561

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mencadangkan pindaan kepada undang-undang berkaitan pendaftaran pengundi iaitu hanya pengundi yang tinggal/mendiami di alamat itu akan mengundi di kawasan Parlimen itu; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa pindaan tersebut akan menyebabkan pola pengundian di kawasan luar bandar terjejas teruk kerana kebanyakan pengundi luar bandar adalah mereka yang bekerja di bandar-bandar.

JAWAPAN : Y.B. DATO' SERI DR.SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang berkaitan pendaftaran pemilih seperti yang dinyatakan itu kerana sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran pertukaran alamat kediaman kerana perpindahan tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang sering berpindah seperti ini tetapi tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan. Keadaan ini boleh menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan sebagai pemilih di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menggunakan alamat seperti yang didaftarkan semasa mengundi dalam pilihan raya sebelumnya, sebaliknya telah bertukar alamat lain tetapi tidak sempat untuk mendaftarkannya menjelang pilihan raya berikutnya.

Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan kepada pemilih dan SPR. Contoh, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sebelum suatu tarikh pilihan raya diadakan. Namun semasa tarikh pilihan raya diumumkan beliau berpindah ke suatu tempat baharu tetapi tidak sempat untuk membuat pertukaran alamat di JPN

dan di SPR, sedangkan beliau merupakan pemilih yang sah dan layak mengundi pada pilihan raya tersebut. Maka keadaan ini akan menyebabkan seseorang pemilih itu dinafikan haknya untuk mengundi hanya kerana suatu peraturan yang pada hakikatnya boleh dipinda untuk kemudahan umum dan majoriti pemilih.

Sekian. Terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

RUJUKAN : 5475

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa tiada pemeriksaan Imigresen terhadap setiap individu yang memasuki negeri Sabah di terminal feri Menumbuk / Kota Kinabalu melalui WP Labuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pemeriksaan imigresen terhadap penumpang feri di Pos Kawalan Menumbok perjalanan dari WP Labuan ke Menumbok. Ini adalah berdasarkan Arahan Menteri Dalam Negeri yang diwartakan pada 26 Julai 1984 dan Pekeliling Imigresen Malaysia 27 Julai 1984 ditandatangani oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia yang menyebut setiap orang termasuk orang yang bukan warganegara, memasuki Sabah dalam perjalanan terus dari Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah dikecualikan daripada perlu mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Walau bagaimanapun, pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Sabah masih dilaksanakan di Pos tersebut.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATIN LINDA TSEN THAU LIN
KAWASAN : BATU SAPI
TARIKH : 8 JULAI 2013, ISNIN

SOALAN:

YB. DATIN LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kementerian sedar tentang rungutan pengguna-pengguna jalan-jalan raya di kawasan Sandakan dari KM54 Jalan Sandakan-Telupid ke Pelabuhan Sandakan di Batu Sapi yang mendapati jalan-jalan raya ini tidak tahan apabila digunakan oleh kenderaan berat, termasuk tanker minyak sawit. Jalan-jalan raya ini selalu mengalami rosak. Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan jalan-jalan raya ini dibina dan diselenggara dengan baik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai keadaan Jalan Telupid – Sandakan. Keadaan ini disebabkan kenderaan-kenderaan berat yang melebihi had muatan melalui jalan tersebut sehingga menimbulkan kesan terhadap struktur permukaan jalan berkenaan.

Sehubungan itu untuk tindakan jangka pendek, kementerian ini telah mengarahkan pihak JKR Daerah Telupid dan Sandakan serta pihak konsesi penyelenggaraan jalan yang bertanggungjawab, iaitu Gammerlite Sdn. Bhd. untuk mengadakan audit pemeriksaan terhadap laluan berkenaan. Tujuan audit pemeriksaan ini ialah untuk memperoleh keperluan peruntukan sebenar bagi tujuan memperkukuhkan dan menurap semula jajaran jalan yang terlibat. Untuk jangka panjang pula, kementerian ini telah memohon kepada Agensi Pusat untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Telupid – Sandakan (Batu 32) sepanjang 100 kilometer mulai *Rolling Plan* ke-4 (2014-2015), RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]
TARIKH : 8 JULAI 2013
SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah tiada pusat rawatan penyakit barah di Hospital Besar Pulau Pinang dan Seberang Jaya, adakah rancangan menambahkannya dengan pusat kardiak. Nyatakan jumlah doktor dan jururawat serta rancangan untuk mengatasi kekurangan ini dan membesarkan semua hospital di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Pulau Pinang telah pun menyediakan perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik kepada pesakit di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Hospital Seberang Jaya juga menyediakan perkhidmatan kardiologi melalui lawatan pakar kardiologi secara berkala dari Hospital Pulau Pinang. Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Hospital Seberang Jaya akan dinaiktaraf dengan membina blok baru bagi menampung tambahan perkhidmatan termasuk perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik, khusus bagi pesakit kanak-kanak (*peadiatric cardiology and cardiothoracic*).

Hospital Pulau Pinang turut menyediakan perkhidmatan rawatan kanser (*Oncology and Nuclear Medicine*) dan buat masa ini memperolehi perkhidmatan radioterapi dari Hospital Mount Miriam dan juga Hospital Pantai Mutiara. Perolehan perkhidmatan radioterapi dari kedua-dua hospital swasta ini dibuat melalui perjanjian persefahaman perolehan perkhidmatan yang dipersetujui dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pesakit-pesakit yang mendapat perkhidmatan ini adalah dari Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. KKM sedang merancang untuk menyediakan perkhidmatan rawatan radioterapi di salah sebuah hospital Kerajaan di Pulau Pinang dan dijangka dapat dilaksanakan di dalam RMKe-10 ini. Projek ini akan dipohon di dalam *Rolling Plan 4*.

Di bawah RMKe-10, Hospital Pulau Pinang juga akan turut mendapat Blok Baru Bangunan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak bagi mengganti Hospital Bersalin yang lama. Selain itu, Hospital Balik Pulau juga akan turut dinaiktaraf bagi meningkatkan perkhidmatan A&E dan Forensik. Hospital-hospital lain akan diberi peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja kecil yang diperlukan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2013 terdapat seramai 866 orang Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan Bukan Pakar serta 2,146 orang Jururawat sedang berkhidmat di hospital-hospital KKM di negeri Pulau Pinang. Peratus pengisian jawatan tersebut adalah melebihi 90 peratus. KKM sememangnya prihatin dan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan anggota kesihatan di semua fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuklah di negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini KKM telah mempunyai bilangan Pegawai Perubatan Bukan Pakar yang mencukupi untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM. Ini berikutan peningkatan bilangan graduan perubatan dari dalam dan luar negara setiap tahun yang telah menyumbang kepada pertambahan Pegawai Perubatan Bukan Pakar di KKM. Keadaan ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah graduan perubatan yang melebihi 200 peratus dalam tempoh lima (5) tahun lepas, iaitu 3,700 orang pada tahun 2012 berbanding seramai 1,200 orang pada tahun 2007.

Walau bagaimanapun, KKM masih menghadapi kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Oleh itu, beberapa langkah telah diambil oleh KKM bagi menambah bilangan Pegawai Perubatan Pakar. Di antaranya ialah

- 1 Melatih lebih ramai Pegawai Perubatan untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang kepakaran melalui pertambahan bilangan slot biasiswa daripada 800 setahun pada tahun 2011 kepada 1,000 tempat mulai tahun 2013. Pertambahan 200 slot ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM2.4 juta setahun;
- 2 Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM; dan
- 3 Melantik Pegawai Perubatan Pakar di kalangan warganegara dan bukan warganegara secara kontrak untuk berkhidmat dengan KKM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]

TARIKH : 8 JULAI 2013 (SELASA)

SOALAN :

CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes kebocoran rahsia kerajaan yang dilaporkan sejak lima tahun lalu dan apakah usaha diambil bagi menangani masalah tersebut apakah punca dan tujuan berlakunya kejadian tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga ke tarikh ini Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri tiada menerima laporan rasmi mengenai kes-kes kebocoran rahsia Kerajaan yang dilaporkan bagi lima tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013.

2. Walau bagaimanapun, pihak KPKK senantiasa memastikan agar dokumen dan maklumat rahsia rasmi diberi perlindungan seperti mana yang telah ditetapkan oleh buku Arahan Keselamatan. Pejabat KPKK merupakan kuasa pusat terhadap keselamatan dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan. Pejabat ini sentiasa mengadakan program-program pendidikan meliputi kursus-kursus jangka pendek, kempen dan penerangan serta menjalankan pemeriksaan keselamatan ke semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran dan memberi peringatan supaya mematuhi peraturan keselamatan perlindungan yang ditetapkan.

3. Kebocoran maklumat rahsia rasmi kemungkinan berpunca daripada kelemahan manusia iaitu kelalaian, kecuaiian, serta ketidakpatuhan kepada arahan keselamatan. Di samping itu perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada zaman ini yang mempunyai berbagai-bagai aplikasi media sosial dapat membantu penyebaran maklumat dengan cepat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN

Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bilangan agensi-agensi Kerajaan yang diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru semenjak ianya dilaksanakan diawal tahun 70an sehingga kini dan nyatakan nama serta jumlah institusi-institusi tersebut yang telah diswastakan di bawah Dasar Penswastaaan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971 dengan matlamat utamanya ialah untuk mencapai perpaduan negara. DEB dilaksanakan melalui pendekatan strategi serampang dua mata iaitu:

- mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan; dan
- menyusun semula masyarakat untuk membaiki ketidakseimbangan ekonomi dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.


Sehingga April 2013, terdapat 730 agensi yang bertaraf agensi awam telah ditubuhkan. Daripada jumlah tersebut, terdapat beberapa agensi utama yang diwujudkan di bawah DEB, khusus untuk mempergiatkan usaha pembasmian kemiskinan dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut:

- i) Permodalan Nasional Berhad (PNB);
- ii) Lembaga Tabung Haji (LTH);
- iii) *Urban Development Authority* (UDA);
- iv) PERNAS (kini dikenali sebagai PNS – Perbadanan Nasional Berhad);
- v) FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan); dan
- vi) RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil).

Agensi-agensi ini mempunyai peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat DEB. Di samping agensi yang telah ditubuhkan tersebut, terdapat agensi yang sedia ditubuhkan sebelum DEB telah diberi peranan khusus bagi melaksanakan agenda pembangunan di bawah DEB. Antara agensi tersebut ialah MARA dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Agensi-agensi ini antara lain bertanggungjawab dalam pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan serta sebahagiannya berfungsi sebagai pemegang kepentingan ekonomi (agensi amanah) kepada Bumiputera.

Sebagai usaha merangsang pertumbuhan ekonomi melalui penglibatan aktif sektor swasta serta meningkatkan pemilikan dan kekayaan ekonomi Bumiputera, Dasar Penswastaan telah diperkenalkan pada tahun 1983.

Sehingga kini, 200 agensi/perkhidmatan Kerajaan telah diswastakan. Sebahagian besar daripada kepentingan yang diswastakan merupakan kepentingan/syarikat atau perkhidmatan Kerajaan. Namun demikian, terdapat juga kepentingan agensi-agensi khas yang ditubuhkan di bawah DEB untuk membantu Bumiputera diswastakan. Ini termasuk beberapa syarikat milik atau sahamnya dipunyai oleh Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARA dan sebagainya, melalui penjualan saham milik agensi tersebut. Sebagai contohnya, Syarikat Kenderaan Bas MARA dan YPM Insurance Brokers Sdn. Bhd. Proses ini dilaksanakan melalui pindah milik kepada agensi Bumiputera yang lain seperti PNB atau kepada usahawan Bumiputera yang berkelayakan.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

**TARIKH JAWAPAN : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 37

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah keseriusan masalah kekurangan air terawat di ibu kota Kuala Lumpur, Putrajaya dan Lembah Klang dijangka semakin kritikal mulai 1 Julai tahun 2014, seperti mana kenyataan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) dalam media massa pada 24 Mei 2013 lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kenyataan SYABAS kepada media massa yang menyatakan bahawa masalah kekurangan bekalan air dijangka berlaku di Lembah Klang pada bulan Julai tahun 2014 adalah benar jika laporan-laporan tersebut memetik kenyataan-kenyataan rasmi yang dibuat oleh Kementerian saya dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Malah, penduduk-penduduk di Lembah Klang telah mula mengalami masalah gangguan bekalan air terutamanya pada musim kemarau seperti yang pernah berlaku pada bulan Jun 2012. Keadaan ini berlaku disebabkan tahap rizab simpanan air atau *reserve margin*, dengan izin, adalah terlalu rendah iaitu secara purata berada di bawah 2 peratus berbanding dengan permintaan bekalan air yang semakin. Saya ingin memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa mengikut data yang dikeluarkan oleh SPAN, tahap rizab simpanan air pernah turun sehingga ke tahap defisit sebanyak 4 kali bagi tempoh 4 – 10 Jun tahun 2013, di mana bacaan paling rendah adalah -0.96 peratus.

Tuan Yang Dipertua,

2. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM606 juta untuk melaksanakan projek-projek mitigasi fasa 1 dan 2 bagi mengelakkan berlakunya masalah kekurangan air pada tahun 2014, usaha-usaha tersebut masih tidak dapat memastikan rizab simpanan berada pada tahap yang selesa pada tahun tersebut. Malah, projek-projek tersebut akan hanya sekadar untuk melegakan keadaan dan membantu untuk mengatasi masalah bekalan air sehingga tahun 2016 sahaja. Sebagai jalan penyelesaian jangka panjang, projek Loji Rawatan Air Langat 2 perlu dilaksanakan segera demi kebaikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH : 08 JULAI 2013

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil rumusan dan cadangan dari kajian ke atas Projek Rel Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail*) yang telah disiapkan oleh *Mickensey & Company* Konsultan yang dilantik oleh Kerajaan, nyatakan kos pembangunan, jarak, jajaran, masa perjalanan, kelajuan purata serta teknologi dan sistem kereta api berkelajuan tinggi yang bakal digunakan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kajian daya maju (*feasibility study*) projek keretapi berkelajuan tinggi merangkumi penilaian terperinci aspek-aspek teknikal dan kejuruteraan, kos, kewangan dan operasi serta manfaat sosio-ekonomi dan kini berada di fasa akhir penyediaan laporan.

2. Fakta-fakta *High Speed Rail* (HSR) secara umumnya adalah seperti berikut:

(a) Jajaran : ~350km, di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia dengan lima (5) stesen pengantara di sepanjang jajaran dan 2 terminus;

(b) Operasi : 2 jenis perkhidmatan, iaitu:

(i) Perkhidmatan Ekspres dengan masa perjalanan 90 minit; dan

(ii) Perkhidmatan Transit dengan masa perjalanan 120 minit

(c) Kelajuan : Purata kelajuan dijangkakan 250km/jam.

3. Maklumat lanjut akan disediakan setelah laporan kajian daya maju ini disiapkan.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 8.7.2013
SOALAN :

Y.B. Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap kewajipan ajaran mata pelajaran Tamadun Islam untuk kesemua universiti swasta dan adakahnya wajib ditawarkan sekiranya universiti tersebut hendak mendapatkan pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah terdiri daripada kursus Pengajian Malaysia, Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam/Moral. Kursus ini wajib dijalankan berdasarkan Seksyen 43, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Pelaksanaan MPW adalah merupakan salah satu syarat dan keperluan bergraduat bagi setiap pelajar IPTS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penawaran MPW akan digantikan dengan penawaran Mata Pelajaran Umum (MPU) berkuat kuasa pada 1 September 2013 ke atas pengambilan kohort baru di semua IPTS. Penawaran MPU dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajaran kursus wajib di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS dengan mengambil kira keperluan pembelajaran pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa. Kursus MPU ini

adalah diwajibkan kepada pelajar IPTS dan menjadi syarat pelajar perlu lulus sebelum bergraduat. Struktur baharu kursus MPU terbahagi kepada empat (4) kumpulan iaitu U1, U2, U3, dan U4 dan konsep bagi setiap kumpulan ini adalah seperti berikut:

- U1. Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah,
- U2. Penguasaan kemahiran insaniah,
- U3. Perluasan ilmu pengetahuan di Malaysia,
- U4. Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat, ko-kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan MPU U1 akan di jadikan kursus yang wajib ditawarkan dan diambil oleh setiap pelajar IPTS. Kursus U1 di IPTS adalah:

- a) Bahasa Melayu Komunikasi (Untuk Pelajar Antarabangsa)
- b) Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) (Untuk Pelajar Tempatan)
- c) Pengajian Malaysia (Untuk Pelajar Tempatan dan Antarabangsa)
- d) Hubungan Etnik (Untuk Pelajar Tempatan)

Bagi institusi yang ingin melaksanakan kursus dari kumpulan U2, U3 dan U4 perlulah merujuk terlebih dahulu kursus-kursus yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun jika institusi mempunyai kursus yang berkaitan dengan skop kumpulan ini, institusi boleh menjalankan kursus tersebut mengikut acuan institusi masing-masing di mana ia akan menjadi SOP kepada institusi tersebut. Kursus-kursus yang dicadangkan oleh KPM adalah seperti berikut:

U2 (2-3 kredit)	U3 (2-3 kredit)	U4 (2 kredit)
Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat
Kemahiran Rekacipta dan Inovasi	Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia	Ko-kurikulum
Kemahiran Menulis	Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS
Kemahiran Pengurusan Emosi	Sosiologi kerja dan Industri Malaysia	
Kemahiran Membuat Keputusan	Perlembagaan dan Masyarakat Malaysia	
Kemahiran Berfikir	Perbandingan Agama	
Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan	
Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS	Perbankan dan Kewangan Malaysia	
	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS	

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran **TITAS** akan diwajibkan penawaran di IPTS bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda mulai **1 September 2013**. Bagi IPTS yang ingin mengendalikan sebarang program, IPTS tersebut perlu mendapatkan akreditasi program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Oleh itu, mata pelajaran TITAS merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam MPU dan juga menjadi antara syarat pelajar perlu lulus sebelum bergraduasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :

- a) benarkah sistem pilihan raya di Malaysia diiktiraf antara yang terbaik di dunia dan mendapat pelbagai pujian termasuk pemerhati antarabangsa yang memerhati pilihan raya ke-13 baru-baru ini; dan
- b) apakah faktor keputusan PRU-13 dipertikai oleh sesetengah pihak dalam negara ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpandangan sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia secara berterusan mendapat pujian dan pengiktirafan dalam kalangan masyarakat antarabangsa seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang lain. Pujian dan pengiktirafan ini juga turut dilahirkan oleh pemerhati antarabangsa yang dilantik oleh SPR pada PRU Ke-13 yang lalu. Mereka secara umumnya melihat penjalanan proses pilihan raya oleh pihak SPR sebagai sesuatu yang amat telus, bebas, adil lagi berwibawa. Mereka juga melahirkan harapan agar beberapa unsur pilihan raya yang dilaksanakan oleh SPR itu akan dapat dimanfaatkan bagi tujuan penambahbaikan proses pilihan raya di negara masing-masing.

Kerajaan tidak mengetahui apakah faktor sebenar yang mendorong beberapa pihak untuk mempertikaikan keputusan PRU Ke-13 yang telah dilaksanakan dengan telus dan adil oleh SPR. Bagi kerajaan, tindakan-tindakan yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak itu tidak lain adalah didorong oleh rasa kecewa mereka kerana gagal untuk mengambil alih kerajaan melalui saluran pilihan raya. Banyak fakta telah diputar belitkan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**
 : **[KUANTAN]**
TARIKH : **8 JULAI 2013 (ISNIN)**

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Rasional Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) terletak di bawah kuasa Jabatan Perdana Menteri; dan sama ada Perdana Menteri mempertimbangkan cadangan untuk menempatkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di bawah kuasa Kementerian Pengangkutan bagi menyenangkan penguatkuasaan dan pengendalian segala hal ehwal berhubung dengan sistem pengangkutan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi SPAD adalah untuk merancang, menggubal polisi serta mengawalselia pengangkutan awam darat seperti keretapi, bas dan teksi serta pengangkutan barang. Di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, SPAD juga melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang.

Rasional untuk meletakkan dibawah pengelolaan Jabatan Perdana Menteri adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dimana satu agensi setempat dicadangkan untuk mengkaji, menyelia dan memantau ditubuhkan untuk industri pengangkutan awam darat dimana segala keputusan dapat dikenalpasti dengan kadar segera.

SPAD juga memainkan peranan penting di dalam usaha membaik pulih perkhidmatan pengangkutan awam darat di Malaysia, yang mana usaha ini salah satu agenda utama Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk pengangkutan awam bandar seperti yang digariskan di dalam Pelan Transformasi Kerajaan, yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri.

SPAD dibawah JPM akan membolehkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) penyelarasan mudah dengan Ketua-ketua Kerajaan Negeri mengenai *spatial matter*;

- (ii) penerimaan pihak-pihak yang berkepentingan akan penubuhan SPAD memandangkan ianya akan menggabungkan kuasa dari pelbagai agensi, jabatan dan Kementerian yang tertentu; dan
- (iii) pentadbiran dana pengangkutan awam iaitu peruntukan dan pengawasan penggunaan dana.

Oleh kerana itu, wajar SPAD diletakkan di bawah pengelolaan Jabatan Perdana Menteri memandangkan ianya akan menggabungkan kuasa dari pelbagai agensi, jabatan dan Kementerian yang tertentu.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTOO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 08 JULAI 2013

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Pattoo [BatuKawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Seksyen 375 Kanun Keseksaan akan dipinda supaya kelakuan suami dalam melakukan perhubungan seks dengan isterinya di mana isterinya tidak rela atau secara paksa, tidak dikecualikan daripada definisi jenayah rogol.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 375 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa persetujuan antara suami dengan isteri dalam perkahwinan yang sah di sisi undang-undang tidak boleh dianggap sebagai rogol.
2. Walaubagaimanapun, perbuatan suami mendatangkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain bagi tujuan untuk mengadakan hubungan seks dengan isterinya telah dijadikan sebagai satu kesalahan di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan berkuatkuasa pada 7 September 2007. Hukuman bagi kesalahan ini ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.
3. Seksyen 375A Kanun Keseksaan dimasukkan atas syor Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang telah ditubuhkan bagi mengkaji Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. Dapatan Jawatankuasa Khas tersebut telah dibentangkan pada 12 Julai 2006 di Dewan yang mulia ini. Jawatankuasa telah mencadangkan seksyen 375A tersebut bagi melindungi martabat dan kepentingan seorang isteri daripada dipaksa oleh suami untuk melakukan hubungan seks hingga mendatangkan kecederaan. Dapatan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tersebut berkenaan *marital rape* sebagaimana yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 12 Julai 2006 adalah seperti yang berikut:

“Satu lagi isu yang hangat dibangkitkan oleh kumpulan wanita di hadapan Jawatankuasa ialah suami merogol isteri. Mereka yang hadir di hadapan Jawatankuasa berpendapat bahawa penggunaan kekerasan untuk melakukan seks oleh suami terhadap isterinya itu adalah amat tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri. Mereka menghujah terdapat beberapa negara lain yang telah menjadikan ia suatu kesalahan jenayah apabila suami mengadakan hubungan seks secara paksa dengan isteri.

Walaupun, setelah menimbang dari semua aspek, Jawatankuasa tidak bersetuju bahawa suami merogol isteri, dengan izin, marital rape, dijadikan suatu kesalahan di Malaysia dengan alasan ia adalah bertentangan dengan undang-undang syariah dan agama lain. Walaupun, Jawatankuasa prihatin terhadap keluhan kumpulan wanita yang membangkitkan isu seorang isteri dipaksa dengan menggunakan kekerasan untuk mengadakan hubungan seks dengan suaminya.

Setelah mendengar hujah-hujah pihak yang berkaitan, Jawatankuasa mengesyorkan supaya diadakan satu peruntukan khusus yang baru iaitu jika seorang suami melakukan kecederaan kepada isterinya atau meletakkan isterinya atau orang lain dalam ketakutan kematian atau kecederaan dengan tujuan mengadakan hubungan seks, dia melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun. Pendirian ini tidak bertentangan dengan mana-mana

prinsip agama. Dalam konteks ini, apa yang ditekankan adalah kecederaan yang dilakukan oleh suami terhadap isteri”.

4. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk meminda seksyen 375 Kanun Keseksaan untuk menjadikan kelakuan suami yang melakukan perhubungan seks tanpa kerelaan isteri atau dengan memaksa isteri sebagai suatu jenayah rogol. Ini kerana perbuatan seseorang suami yang mendatangkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan ke atas isterinya bagi mengadakan hubungan seks telahpun dijadikan sebagai suatu kesalahan di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH : 8.7.2013
SOALAN :

Y.B. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membawa balik semula sekolah-sekolah bermedium Inggeris di peringkat sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah, di mana Bahasa Malaysia dijadikan sebagai subjek teras dan sekiranya tidak, sila beri alasan-alasan untuk menjelaskan mengapa ini tidak boleh dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berlandaskan kepada dasar pendidikan kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bahasa pengantar di semua institusi pendidikan adalah bahasa kebangsaan. Namun, bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) bertujuan memantapkan penguasaan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang

lebih tinggi dan untuk keperluan kerjaya. Di samping itu, penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid membolehkan maklumat melalui internet dicapai serta boleh membuat jaringan dengan murid dalam dan luar negara bagi mendapatkan pembelajaran secara autentik. Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bahasa Inggeris di setiap peringkat persekolahan.

Rjm 69



**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : ISNIN, 8 JULAI 2013
RUJUKAN : L15 [PR-1311-L54638]
SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan dasar dan langkah-langkah untuk pelbagai aspek Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur, termasuk trafik, banjir dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi soalan berkaitan berkaitan trafik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, struktur asas rangkaian jalan dan rel yang komprehensif telah dibina sejak tahun 1984. Program bagi Kuala Lumpur kini ialah memaju, memperkemas dan melengkapkan sistem pengangkutan secara bersepadu bagi memenuhi keperluan Bandar Raya termasuk transformasi pengangkutan awam bandar.

Dasar Pengangkutan Bandaraya Kuala Lumpur juga memastikan perjalanan yang selamat, masa perjalanan dan kos perjalanan yang wajar serta perjalanan yang selesa. Pelbagai langkah dilaksanakan bagi mencapai dasar yang digariskan melalui kaedah-kaedah berikut:-

1) **Kawalan Perancangan**

Untuk memastikan permintaan perjalanan diurus dengan baik, setiap pembangunan baru disyaratkan menyediakan struktur pengangkutan yang lengkap seperti penyediaan jalan dengan kapasiti yang mencukupi, kemudahan sokongan pengangkutan awam, ruang tempat letak kereta dan ruang untuk bas persiaran sekiranya berkaitan dengan tumpuan awam.

Pada masa ini, untuk memastikan lalu lintas di Kuala Lumpur terkawal, pembangunan juga adalah berorientasikan

pengangkutan awam di mana kawasan pembangunan yang berada dalam jajaran sistem transit (REL) disyaratkan untuk menyediakan kemudahan sokongan pengangkutan awam seperti hentian teksi dan bas serta siarkaki berbumbung yang dihubungkan ke stesen transit bagi mewujudkan "connectivity" antara kawasan tumpuan ke kemudahan sistem pengangkutan awam.

Untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam juga, pembangunan baru yang berada di jajaran sistem transit (Rel) diberi insentif khas dengan pengurangan kadar penyediaan Tempat Letak Kereta (TLK) antara 35% - 40% tertakluk kepada jarak pembangunan dengan stesen transit.

Langkah seterusnya adalah mewujudkan pusat-pusat kejranaan dan pusat daerah (decentralization) di kawasan luar pusat bandar. Ini bagi mengelakkan kenderaan bertumpu di pusat bandar yang akan mengakibatkan kesesakan lalulintas yang melampau. Oleh itu, pusat-pusat membeli belah, bank-bank serta institusi-institusi pendidikan serta pusat-pusat perubatan digalakkan untuk diwujudkan di kawasan pertumbuhan baru di luar *Central Business District (CBD)*.

2) Pengurusan Lalu lintas

Bagi kelancaran aliran lalu lintas, pelbagai langkah telah diambil melalui pengurusan lalu lintas seperti berikut:-

- a) kawalan lalu lintas menggunakan sistem lampu isyarat berkomputer;
- b) penyediaan tempat letak kereta dan motorsikal yang teratur;
- c) tempat punggah-memunggah yang sesuai dengan masa-masa dibenarkan di luar waktu puncak;
- d) larangan kenderaan berat melalui jalan-jalan utama pada waktu puncak;
- e) penyediaan papan tanda tunjuk arah yang jelas;
- f) penyediaan papan-papan tanda lalulintas;
- g) melukis tanda jalan dan garisan jalan yang jelas; dan
- h) mewajibkan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di atas jalan raya mengemukakan pelan pengurusan lalulintas.

Bagi pengangkutan awam yang meliputi teksi dan bas seperti ekspres, bas persiaran, bas henti-henti dan bas sekolah, ia turut disediakan terminal, hentian dan petak-petak khas termasuk di hadapan sekolah. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah menyediakan sistem maklumat bagi memudahkan para pengguna mendapatkan informasi lalu lintas secara '*real-time*' seperti di twitter.

Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang dalam proses menaik taraf sistem ITIS dengan menambah bilangan CCTV dari 255 buah kepada 1,000 buah di mana 225 daripadanya dilengkapi dengan pembesar suara. Segala urusan berkaitan pengurusan lalu lintas akan dipusatkan di Pusat Pengangkutan DBKL, Bukit Jalil bagi memudahkan penyelarasan dan tindakan.

Langkah-langkah lain untuk mengurus lalu lintas di Kuala Lumpur ialah rancangan penyediaan tempat letak kenderaan di bawah talian elektrik. Selain itu, terdapat perlaksanaan belok kiri jika tiada kenderaan (LEFT TURN ON RED) serta penyediaan tempat parkir dan naik (PARK AND RIDE) untuk pengguna pengangkutan awam seperti di Sungai Besi dan Bandar Tasik Selatan yang telah mempunyai 1,400 petak letak kereta.

3) Aspek Keselamatan

Konsep Bandar Selamat turut diterapkan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:-

- a) penambahan elemen pencahayaan;
- b) pemasangan pagar keselamatan serta pagar '*anti-climb*' untuk mengelak berlakunya kes jenayah ragut;
- c) peredaan trafik dengan membina bonggol;
- d) menggalakkan '*community policing*' dengan mewujudkan Rukun Tetangga atau Skim Kawalan Kejiranan (*Guarded Neighbourhood*); dan
- e) pemasangan '*Bollard*' serta Cermin Keselamatan.

Bagi **langkah-langkah pencegahan banjir di Kuala Lumpur** pula, ianya **telah banyak kali dijawab** oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam sidang Dewan seperti soalan no. 18 pada 13 Jun 2012 [**PR-1252-L49178**] yang dikemukakan oleh Ahli yang Berhormat dari **Alor Gajah** dan juga soalan no. 74 pada 3 Julai 2013 iaitu pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat Seputeh.

4) **Penguatkuasaan**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dari aspek penguatkuasaan ke atas kesalahan lalu lintas pada **9 September 2011**, DBKL telah menempatkan anggota Trafik Warden DBKL di **20 persimpangan utama** dan pada **tahun 2013**, DBKL telah menambah **10 persimpangan** lagi untuk mengawal persimpangan dan susur jalan yang lain. Di samping itu, anggota Trafik Warden telah ditugaskan untuk mengambil tindakan ke atas kenderaan statik dan bergerak. DBKL juga telah menempatkan kren tunda di lokasi-lokasi 'hot spot' yang sering berlakunya kesesakan lalu lintas.

Dari masa ke semasa, DBKL telah mengatur operasi bersama dengan agensi-agensinya penguatkuasa lain seperti **Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Imigresen** khasnya tindakan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan dan persendirian yang melakukan kesalahan lalulintas di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur. Sepanjang **Januari hingga Mei 2013**, sebanyak **8 kali operasi** telah diadakan dan sebanyak **441 notis kesalahan** telah dikeluarkan.

Bagi tujuan langkah-langkah keselamatan, DBKL turut menyediakan pondok penguatkuasa di lokasi-lokasi seperti di kawasan Masjid India, Chow Kit, Jalan Petaling, Bukit Bintang dan Brickfields khasnya bagi mengawal lalu lintas dan orang ramai.



SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH – BN]

TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)

SOALAN (NO. 45)

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) sebanyak mana peruntukan yang telah dibelanjakan melalui bengkel/kursus kepada organisasi belia dalam tempoh 5 tahun ini dalam usaha untuk membantu menguruskan organisasi mereka; dan
- (b) apakah justifikasi bagi menamatkan Bantuan Pengupayaan Persatuan Belia yang suatu ketika dulu berjaya mengupayakan persatuan belia.

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM6.02 juta dalam tempoh 5 tahun (2008 – 2012) pelaksanaan program pembangunan organisasi belia merangkumi aspek kepimpinan dan pengurusan organisasi belia. Begitu juga dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROY) yang telah mengadakan sebanyak 70 kursus kepada pertubuhan belia dari tahun 2008 hingga 2013 dengan perbelanjaan sebanyak RM353,328.00. kursus-khusus yang dijalankan adalah bagi meningkatkan tahap tadbir urus pertubuhan belia sepertimana yang terkandung didalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).
- (b) Berkenaan dengan Bantuan Pengupayaan Pertubuhan Belia yang pernah diperkenalkan pada tahun 2009, ia merupakan inisiatif Kementerian bagi menggalakkan golongan belia supaya menubuhkan persatuan seterusnya mendaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY). Bantuan ini merupakan peruntukan sekali sahaja (*one-off*) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi sebagai suntikan modal dalam pengupayaan pertubuhan belia di seluruh negara dan juga bantuan dalam bentuk aktiviti.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
[KETEREH]
TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional mengenai 7 janji utama yang pernah beliau tawarkan kepada rakyat Kelantan menjelang PRU 13 baru-baru ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 20 Januari 2013 lalu, ketika merasmikan Program Jelajah Janji Ditepati peringkat negeri Kelantan di RTC Tunjong, Kota Bharu, Kelantan, Perdana Menteri di dalam ucapannya telah menyatakan kesediaan Barisan Nasional untuk menawarkan 7 projek pembangunan utama untuk rakyat Negeri Kelantan.

7 janji-janji tersebut adalah :-


1. Menyelesaikan isu serta masalah bekalan air.
2. Mewujudkan sistem pengangkutan awam, yakni Rapid Kota Bharu.
3. Membina Lebuhraya Kuala Krai-Kota Bharu.
4. Menyediakan 3ribu buah rumah mampu milik melalui program PR1MA.
5. Mewujudkan sebuah UiTM di Kota Bharu.
6. Membina Masjid Negeri
7. Membina stadium baru.

Di dalam ucapan tersebut, Perdana Menteri menyatakan 7 janji utama tersebut **HANYA** akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan sekiranya Barisan Nasional berjaya dan diberi mandat oleh rakyat Kelantan untuk mentadbir dan membentuk Kerajaan di negeri tersebut. Namun di dalam

PRU-13 yang lalu, Barisan Nasional tidak berjaya untuk membentuk Kerajaan Negeri di Negeri Kelantan.

Walaupun bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan yang sentiasa mendahulukan rakyat, tanpa mengira pahaman atau pegangan politik, Barisan Nasional tidak akan sekali-kali meminggirkan pembangunan di Negeri Kelantan walaupun tidak ditadbir oleh Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa memberikan sumbangan dan bantuan kepada pembangunan infrastruktur, sosial dan pendidikan kepada rakyat Negeri Kelantan mengikut keperluan, seperti mana yang telah kita laksanakan sebelum-sebelum ini.

Sekian. Terima kasih.



PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI
KAWASAN : KUALA NERUS
TARIKH : 8 JULAI 2013, ISNIN

SOALAN:

YB. DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI (KUALA NERUS) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kos terkini dan faktor kelewatan menyiapkan Lebuhraya Pantai Timur.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggaran kos keseluruhan projek pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2) sehingga kini ialah sebanyak RM4.25 bilion.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.73 bilion merupakan kos projek untuk pelaksanaan pakej-pakej di bawah seliaan dan pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR), manakala bakinya sebanyak RM1.52 bilion lagi di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Pembiayaan projek LPT2 ini dilaksanakan menerusi peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.4 bilion dan bakinya sebanyak RM1.85 bilion lagi menggunakan peruntukan Dana Khas Negeri Terengganu.

Sehingga 31 Mei 2013, kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT2 telah siap sebanyak 88%, iaitu setelah mengambil kira tempoh penjadualan semula. Projek ini mengalami kelewatan berikutan terdapat 10 pakej yang terpaksa ditender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan dari kenaikan harga bahan binaan pada tahun 2007/2008. Pada masa kini kontraktor penyiap telah dilantik untuk meneruskan pakej-pakej yang ditender semula. Berikutan daripada penjadualan semula ini, keseluruhan projek LPT2 dijangka akan siap dan dibuka keseluruhannya pada pertengahan tahun 2014.

Walaupun begitu, Kerajaan mulai bulan Ogos 2011 telah melaksanakan pembukaan LPT2 secara berperingkat kepada lalu lintas bagi jajaran yang telah disiapkan. Ia melibatkan jajaran sebelah utara, iaitu dari Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu sepanjang 72 kilometer. Manakala untuk pakej-pakej lain, khususnya jajaran di sebelah selatan, ia akan dibuka secara berperingkat sehingga keseluruhan projek ini disiapkan kelak.

Sekian. Terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU – DAP]**

TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)

SOALAN (NO. 48)

Tuan Oscar Ling Chai Yew minta **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN** menyatakan bantuan dan insetif yang sedia ada untuk membantu pemuda menceburi bidang pembuatan. Sila senaraikan jenis bantuan dan jumlah bilangan orang yang sudah mendapat bantuan atau wang yang terlibat, sila senaraikannya mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memenuhi keperluan utama generasi muda untuk mendapatkan latihan kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan komited dalam memastikan bidang latihan yang disediakan menepati kehendak dan permintaan serta keperluan pasaran kerja semasa.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini, terdapat 4 jenis bidang pembuatan latihan kemahiran teknikal disediakan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) termasuk:
 - (i) Teknologi Mekanikal;
 - (ii) Teknologi Awam;
 - (iii) Teknologi Automotif; dan
 - (iv) Teknologi Tekstil & Apparel
3. Jumlah belia yang telah mendapat bantuan latihan sepanjang tahun 2012 adalah seramai 2,311 orang.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]
TARIKH : 8 JULAI 2013
RUJUKAN : 5479

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan indeks jenayah mengikut jenayah di kawasan Bandar Kuching dan Stampin bagi tahun 2000 sehingga Jun 2013

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Parlimen Kuching dan Parlimen Stampin terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching. Statistik Jenayah Indeks bagi Balai Polis Kuching dari tahun 2007 hingga Mei 2013 adalah seperti berikut:-

(a) Statistik Jenayah Indeks Balai Polis Kuching, Sarawak tahun 2007 hingga 2008.

KESALAHAN	KES 2007	SELESAI 2007	PERATUS	KES 2008	SELESAI 2008	PERATUS
JENAYAH KEKERASAN :						
BUNUH	-	-	0.0	2	1	50.0
ROGOL	1	-	0.0	4	1	25.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	-	-	0.0	8	0	0.0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	4	-	0.0	25	0	0.0
SAMUN BERSENJATAPI	3	-	0.0	2	0	0.0
SAMUN TANPA S/API	7	-	0.0	4	0	0.0
MENCEDERAKAN	24	1	4.2	43	5	11.6
JUMLAH	39	1	2.6	88	7	8.0
JENAYAH HARTABENDA :						
CURI	95	2	2.1	173	7	4.0
CURI MOTOKAR	22	-	0.0	48	2	4.2
CURI MOTOSIKAL	190	1	0.5	255	3	1.2
CURI VAN/LORI/J'BERAT	3	-	0.0	7	0	0.0
CURI RAGUT	19	1	5.3	39	3	7.7
PECAH RUMAH DAN CURI	30	-	0.0	26	0	0.0
JUMLAH	359	4	1.1	548	15	2.7
JUMLAH JENAYAH INDEKS	398	5	1.3	636	22	3.5

**(b) Statistik Jenayah Indeks Balai Polis Kuching, Sarawak
tahun 2009 hingga 2010.**

KESALAHAN	KES 2009	SELESAI 2009	PERATUS	KES 2010	SELESAI 2010	PERATUS
JENAYAH KEKERASAN :						
BUNUH	-	-	0.0	1	-	0.0
ROGOL	-	-	0.0	-	-	0.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	22	4	18.2	18	1	5.6
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	19	4	21.1	16	4	25.0
SAMUN BERSENJATAPI	5	-	0.0	3	2	66.7
SAMUN TANPA S/API	7	1	14.3	9	5	55.6
MENCEDERAKAN	30	10	33.3	18	12	66.7
JUMLAH	83	19	22.9	65	24	36.9
JENAYAH HARTABENDA :						
CURI	118	10	8.5	118	18	15.3
CURI MOTOKAR	25	-	0.0	13	1	7.7
CURI MOTOSIKAL	123	7	5.7	122	7	5.7
CURI VAN/LORI/J'BERAT	3	-	0.0	-	-	0.0
CURI RAGUT	18	2	11.1	38	1	2.6
PECAH RUMAH DAN CURI	42	3	7.1	24	1	4.2
JUMLAH	329	22	6.7	315	28	8.9
JUMLAH JENAYAH INDEKS	412	41	10.0	380	52	13.7

**(c) Statistik Jenayah Indeks Balai Polis Kuching, Sarawak
tahun 2011,2012 dan 2013 (Jan – Mei)**

KESALAHAN	KES 2011	SELESAT 2011	PERATUS	KES 2012	SELESAT 2012	PERATUS	JAN-MEI 2013 (KES)	JAN-MEI 2012 (SELESAT)	PERATUS
JENAYAH KEKERASAN :									
BUNUH	1	-	0.0	2	1	50.0	-	-	0.0
ROGOL	2	2	100.0	3	3	100.0	2	-	0.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	-	-	0.0	-	-	0.0	-	-	0.0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	14	5	35.7	12	4	33.3	3	1	33.3
SAMUN BERSENJATAPI	-	-	0.0	-	-	0.0	-	-	0.0
SAMUN TANPA S/API	7	6	85.7	2	-	0.0	-	-	0.0
MENCEDERAKAN	6	4	66.7	8	4	50.0	2	-	0.0
JUMLAH	30	17	56.7	27	12	44.4	7	1	14.3
JENAYAH HARTABENDA :									
CURI	85	14	16.5	68	29	42.6	17	3	17.6
CURI MOTOKAR	11	-	0.0	17	3	17.6	9	-	0.0
CURI MOTOSIKAL	88	-	0.0	81	4	4.9	38	3	7.9
CURI VAN/LORI/J'BERAT	2	-	0.0	1	-	0.0	1	-	0.0
CURI RAGUT	19	1	5.3	7	1	14.3	3	1	33.3
PECAH RUMAH DAN CURI	47	4	8.5	16	3	18.8	7	1	14.3
JUMLAH	252	19	7.5	190	40	21.1	75	8	10.7
JUMLAH JENAYAH INDEKS	282	36	12.8	217	52	24.0	82	9	11.0

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.07.2013

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah plan Kerajaan untuk menjelaskan hutang negara yang semakin bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, hutang negara adalah hutang yang ditanggung oleh negara berikutan pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan dan swasta daripada punca luar negeri sahaja. Hutang luar negeri atau

hutang negara merangkumi hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kerajaan (PABK) dan sektor swasta. Pada akhir Mac 2013, jumlah hutang luar negeri adalah berjumlah RM264.8 bilion atau 26.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Walau bagaimanapun, jika hutang negara yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah hutang Kerajaan Persekutuan, maka ini melibatkan hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan daripada sumber dalam dan luar negeri.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2013, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM508.9 bilion atau 50.5% daripada KDNK. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM492.8 bilion atau 96.8% daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM16.1 bilion atau 3.2% merupakan hutang luar negeri. Jumlah hutang luar negeri yang rendah adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri yang mempunyai kecairan yang tinggi, kos pinjaman yang lebih rendah serta dapat meminimumkan risiko pertukaran mata wang asing.

3. Sehingga kini, Kerajaan telah membayar balik semua hutang dengan teratur. Ini adalah hasil daripada pengurusan hutang yang berhemat di mana pinjaman dibuat setelah mengambil kira kemampuan membayar balik. Pada tahun 2012, jumlah bayaran khidmat hutang adalah sebanyak RM19.5 bilion atau 9.5% daripada perbelanjaan mengurus.

4. Kerajaan komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal akan diberikan perhatian bagi memastikan kedudukan fiskal yang mampan dan asas makroekonomi yang kukuh. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal pada 18 Jun 2013, yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri selaku YAB Menteri Kewangan, untuk pengurusan hutang negara yang lebih baik. Dengan usaha ini, hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK dijangka terus berkurangan pada masa hadapan.

5. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, defisit fiskal telah dapat dikurangkan kepada 4.5% daripada KDNK pada tahun 2012 berbanding dengan 4.8% pada tahun 2011. Defisit fiskal dijangka berkurangan kepada

4.0% pada tahun 2013 dan disasarkan berada di bawah 3.0% pada akhir tahun 2015.

6. Bagi mencapai sasaran defisit fiskal, tumpuan akan terus diberikan untuk mengawal perbelanjaan dan meningkatkan sumber hasil. Perbelanjaan Kerajaan akan dibuat selaras dengan kemampuan hasil Kerajaan. Peruntukan perbelanjaan akan disemak dengan teliti termasuk mengurangkan perbelanjaan yang bukan kritikal. Nilai setara atau *value for money* (dengan izin) dalam perolehan Kerajaan akan terus diberi penekanan. Perancangan dan pelaksanaan serta penyediaan siling program dan projek di bawah Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) secara *rolling* setiap dua tahun dan pengurusan nilai dalam perbelanjaan pembangunan juga akan membantu memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

7. Bagi mengurangkan hutang, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

- (i) Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan pinjaman

Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai sebahagian perbelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperoleh melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta peningkatan dalam pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;

(ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang;

(iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta (*public-private partnership*) terutamanya bagi projek-projek berimpak tinggi seperti projek koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi menambah baik kedudukan fiskal tanpa menjejaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh;

(iv) Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obligasi melunaskan hutang secara keseluruhannya;

(v) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan

(vi) Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS PENGGAL PERTAMA MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI[DUNGUN]**

TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)

SOALAN :

**YB TUAN WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] Minta
PERDANA MENTERImenyatakan tindakan yang telah diambil untuk
memenuhi keperluan asas Generasi Kedua FELDA.**

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah menyediakan keperluan asas kepada Generasi Kedua FELDA menerusi pelbagai aktiviti dan program pembangunan sosioekonomi seperti Program Latihan Kemahiran, Pendidikan, Keusahawanan, Perumahan dan bantuan/insentif yang lain.

2. Di bawah **Program Latihan Kemahiran** iaitu sejak tahun 2005, FELDA telah menyediakan pelbagai latihan kemahiran kepada generasi baharu FELDA dengan sasaran pengambilan seramai 4,000 orang setiap tahun di peringkat sijil dan diploma. Bagi peringkat sijil, mereka menjalani latihan kemahiran di Kolej KINI, Institut Teknologi Utama (ITU), Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran Negara (IKN), Institut Kemahiran Belia Negara dan sebagainya. Manakala bagi peringkat diploma pula, mereka menjalani latihan di Universiti Lim Kok Wing dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) serta kursus di bawah seliaan Malaysia Airlines System (MAS). Sehingga kini, seramai **41,294 orang generasi baharu telah dilatih dalam pelbagai kemahiran.**

3. Bagi **Program Pendidikan** pula, pelajar-pelajar yang cemerlang ditawarkan Dana Khas Pelajar Cemerlang bagi mengikuti pengajian ke universiti-universiti terpilih di luar negara seperti United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat dan Australia melibatkan kursus profesional seperti perubatan, kejuruteraan, bioteknologi, perakaunan dan

sebagainya. Sehingga kini, seramai **42 orang generasi baharu FELDA telah mendapat manfaat daripada Dana Khas Pelajar Cemerlang.**

4. Seterusnya dalam **Program Keusahawanan**, FELDA menyediakan kemudahan pinjaman melalui Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) yang bertujuan untuk membantu generasi baharu FELDA terlibat dalam pelbagai bidang keusahawanan seperti ternakan, tanaman, perusahaan, akuakultur, perniagaan dan kraf. Pada masa kini, FELDA mempunyai seramai **30,232 pengusaha** yang terdiri daripada peneroka, penerokawati, belia dan beliawanis. FELDA juga telah menyediakan program Tunas Mekar menerusi kerjasama dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang perniagaan untuk melahirkan ahli perniagaan di kalangan generasi baharu FELDA. Antara perniagaan yang berjaya ialah RamunDelights (menjual kuih muih dan produk makanan) dengan nilai jualan **mencecah RM1 juta setahun**. Selain itu, terdapat juga generasi baharu FELDA terlibat dalam perniagaan berteknologi tinggi seperti *Effective Microorganisms* (EM) iaitu teknologi merawat pencemaran alam sekitar.

5. Akhir sekali adalah **Projek Perumahan FELDA** yang dilaksanakan sebagai usaha membantu generasi baharu memiliki rumah sendiri yang selesa dan sempurna serta mampu milik. Projek perumahan yang dimaksudkan adalah Perumahan Warga FELDA (PWF), Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) dan Sentuhan Kasih FELDA (SKF). Dalam tempoh 5 tahun ke hadapan (2013 hingga 2018), FELDA akan membina sebanyak 20,000 unit rumah di bawah projek PGBF. Setelah mengambil kira kesemua projek perumahan

tersebut, FELDA telah dan sedang membina sebanyak **22,916 unit rumah untuk generasi baharu FELDA.**

Sekian. Terima kasih.



MAKLUMAT TAMBAHAN

Jumlah Pelatih Tahun 2005 - 2012

BIL	PERKARA	TAHUN								JUMLAH (Orang Pelatih)
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	
1	Jumlah Dipanggil	5,330	8,068	8,377	5,127	3,430	5192	4,150	4,598	44,272
2	Jumlah Melaporkan Diri	5,295	7,335	7,323	4,565	3,013	4,707	3,672	3,386	39,296

*(Sehingga Jun 2013) 1,998 orang + 39,296 orang (tahun 2005 -2012) = **41,294 orang**

Rumusan Penerima Dana Khas Pelajar Cemerlang ke Luar Negara FELDA

Tahun Kemasukan	Negara	Bil. Pelajar
2008	United Kingdom	5
	Ireland	1
2009	United Kingdom	1
	Australia	5
2010	United Kingdom	9
	Australia	3
2011	United Kingdom	4
	Australia	6
2012	United Kingdom	4
	Australia	4
Jumlah Keseluruhan		42

Rumusan Pelajar Sedang Mengikuti Program Persediaan

Bil.	Institusi	Program	Tahun Kemasukan	Bil. Pelajar
1	Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)	InternationalBaccalaureate	2011	5
2	Kolej Yayasan UEM (KYUEM)	A-Level		5
3	InternationalEducationCentre (UiTM-INTEC)	A-Level	2012	5
4	Kolej Yayasan UEM (KYUEM)	A-Level		4
Jumlah				19

Pelajar Yang Telah Tamat dan Bekerja

Tahun Tamat	Negara	Bil. Pelajar
2011	United Kingdom	6
2012	United Kingdom	10
	Amerika Syarikat	2
	Australia	5
2013	Australia	6
Jumlah Keseluruhan		29

Projek Perumahan FELDA Telah dan Sedang Dilaksanakan

PROJEK PERUMAHAN	JUMLAH (UNIT)
Perumahan Warga FELDA (PWF) - Rumah Teres Satu Tingkat Untuk Generasi Baru FELDA dan 20% untuk petugas FELDA	2,516
Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) - Rumah Teres 1 tingkat hanya untuk Generasi Baru FELDA	20,000
Sentuhan Kasih FELDA (SKF) - Pertanian Bersepadu dan Banglo 1 tingkat	400
JUMLAH	22,916

Generasi Baharu FELDA yang berjaya

Antaranya ialah:

- (i) Encik Roslan Hashim
Ketua Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan;
- (ii) Encik Wan Ahmad Fauzi Wan Abd. Rahman
Timbalan Ketua Pengarah Maritim;
- (iii) Kolonel Md Razlan Mohd. Sharif
Ahli Lembaga Pengarah Penapisan Filem Malaysia (FINAS);
- (iv) Leftenan Kolonel ATM (Kem Wardiburn);
- (v) Datuk Othman bin Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri;
- (vi) YBhg. Datuk Rahim Md Noor
Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi;

- (vii) YBhg Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman
Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia;
- (viii) YBhg. Prof. Datuk Dr. Khairudin
Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS);
- (ix) Y.Bhg Datuk Khairil Anuar
Ketua Pegawai Operasi FGV; dan
- (x) Encik Zakaria Arshad
Ketua Eksekutif Delima OilProduct Sdn. Bhd.

EKSPEDISI EVEREST FELDA 2013

Ekspedisi Everest FELDA 2013 adalah salah satu aktiviti FELDA bersama dengan generasi baharu FELDA bagi mencungkil bakat dan memupuk semangat dalam Sukan dan Riadah. Inisiatif ini adalah selaras dengan misi FELDA dalam membangunkan potensi generasi baru FELDA. Ekspedisi Everest FELDA 2013, dianjurkan melalui Kelab Eksplorasi Tujuh Benua Malaysia (KE7B) melibatkan seramai 7 orang pendaki dan 15 orang pengiring seperti pemasak, doktor (perubatan) dan pendaki berpengalaman. Kesemua **5 orang anak peneroka FELDA yang terlibat dalam pendakian ini berjaya sampai ke puncak.** Mohd Nasuha Shamsuddin, berumur 21 tahun dari FELDA Tersang 3, Pahang adalah pendaki termuda Malaysia yang berjaya mencapai kemuncak Everest manakala Siti Hanisah Sharuddin, berumur 23 adalah pendaki wanita termuda Malaysia yang berjaya sampai ke puncak Everest

SENARAI NAMA PENDAKI

NO	NAMA	RANCANGAN
1	Mohd. Nasuha Shamsudin, 21	FELDA Tersang 3, Raub, Pahang
2	Siti Hanisah Sharuddin, 23	FELDA Jelai 1, Negeri Sembilan
3	Mohamad Asyraf Mohd. Halim, 25	FELDA Lok Heng Timur, Johor
4	Muhammad Hafzuddin Ibrahim, 22	FELDA Chini Timur 1, Pekan, Pahang,
5	Myrza Fasha Md. Hamyudin, 25	FELDA Tersang 3, Raub, Pahang

KOS EVEREST FELDA 2013

PERKARA	KOS (RM)
Mendaki termasuk kos upah pengiring, jurulatih, pengangkutan, makanan dan pengiklanan	1,500,000
Sagu Hati kepada Pendaki Everest 2013	515,000
Jelajah Everest ke Semua Wilayah FELDA	230,000
JUMLAH	2,245,000

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah jenis rumah kos rendah telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di bahagian Sarikei. Berapakah jumlah rumah kos rendah telah siap dibina di bahagian Sarikei.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada projek perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di bahagian Sarikei. Pihak Kerajaan Negeri Sarawak boleh mengemukakan cadangan kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Julai 2013

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jikalau Kerajaan Malaysia bersedia mengeluarkan Kad Pengenalan baru kepada rakyat Sabah yang tulen untuk mengatasi masalah pengeluaran projek IC yang telah didedahkan oleh saksi-saksi di dalam Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing Tanpa Izin Sabah (RCI).

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini (soalan No. 53) secara bersekali dengan soalan No. 64 dan soalan No. 114 (bertulis, jawab bukan lisan) memandangkan perkara yang dibangkitkan oleh **Ahli Yang Berhormat Penampang dan Ahli Yang Berhormat Tenom** berkait rapat dengan soalan ini berkaitan hasil siasatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (SSPA).

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (SSPA) yang ditauliahkan perlintikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 akan hanya selesai menjalankan siasatan serta mempersembahkan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20 September 2013. Kerajaan seterusnya akan mengkaji laporan siasatan berkenaan sebelum diputuskan tindakan-tindakan yang perlu disusuli dalam menangani isu-isu berbangkit.

Sehubungan itu, adalah tidak wajar bagi Kerajaan membuat sebarang ulasan dan kenyataan ke atas perkara ini sehingga SSPA selesai menjalankan siasatan dan seterusnya mengemukakan laporannya kerana ianya akan bersifat sub-judis terhadap siasatan yang sedang dijalankan ketika ini.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 8 JULAI 2013, ISNIN

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING (SERDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan di Jalan Besar di Persimpangan Jalan Utama, Persimpangan Persiaran Serdang Perdana (di South City Mall), Persimpangan Lebuhraya Sungai Besi dan Persimpangan masuk ke Jalan PSK 8 di Serdang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di Sri Kembangan, iaitu di persimpangan Jalan Pasar, persimpangan Jalan Utama, persimpangan Persiaran Serdang Perdana (di South City Plaza) dan di persimpangan Lebuhraya Sungai Besi.

Sehubungan itu, kementerian ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak JKR Daerah Petaling dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencari kaedah bagi mengurangkan kesesakan di persimpangan-persimpangan berkenaan. Antara cadangan penambahbaikan trafik yang telah dikenal pasti ialah menjadikan sebahagian dari Jalan Besar - iaitu dari persimpangan Jalan SK 12/1 hingga persimpangan Jalan Raya Satu - sebagai jalan sehala, di samping cadangan untuk membina *grade separated junction* di persimpangan-persimpangan jalan utama yang terlibat. Pada masa kini Kementerian Kerja Raya sedang berunding dengan Agensi Pusat untuk memohon kelulusan dan peruntukan bagi tujuan kelulusan dalam *Rolling Plan* RMKe-10 yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI AWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 08 JULAI 2013

RUJUKAN : 5478

SOALAN:

Dato' Dr Tan Kee Kwong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah jenayah yang semakin meningkat di Kuala Lumpur dan khasnya Wangsa Maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman di antara inisiatif–inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

- i. Melaksanakan Ops Lejang, Ops Rentap, Ops Pintu dan Ops Lusuh bagi mencegah kes-kes curi motosikal, kereta, pecah masuk rumah dan mencuri kabel.**
- ii. Melaksanakan Program *Omnipresence, Feet On Street* dan Program Bandar Selamat dan *Community Policing*.**
- iii. Menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya pemantauan dan rondaan dapat dilakukan di kawasan perumahan bagi mewujudkan kejiranan yang lebih selamat dan harmoni.**
- iv. Memperluaskan inisiatif Skim Rondaan Sukarela, menambahkan bilangan ahli Rakan Cop dan melibatkan Persatuan Penduduk dalam aktiviti membanteras jenayah.**
- v. Menyediakan kemudahan *Social Network* seperti *facebook, twitter* bagi memudahkan rakyat menghubungi pihak PDRM.**

- vi. **Mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Daerah dalam usaha untuk mendekatkan polis dengan masyarakat.**
- vii. **Melaksanakan *High Profile Policing* di mana pegawai-pegawai kanan PDRM akan ‘turun padang’ untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat.**
- viii. **Meningkatkan tahap keselamatan di tempat letak kereta terutama di kompleks membeli belah melalui dengan menjalankan audit.**
- ix. **Menyediakan Balai Polis Bergerak bagi membanteras aktiviti jenayah.**

Adalah amat nyata dari penjelasan tadi, bahawa strategi yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kadar jenayah telah berada di atas landasan yang betul dan tepat. Melalui pendekatan holistik dan bersepadu yang diambil oleh Kerajaan secara berterusan ini telah mendatangkan hasil yang memuaskan dan menjadikan Malaysia lebih selamat termasuklah di Kuala Lumpur dan Wangsa Maju.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]
TARIKH : 8 JULAI 2013
SOALAN :

TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini mengenai pembinaan hospital baru di Sri Aman.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pembinaan Hospital Baru Sri Aman dilaksanakan di dalam dua fasa. Fasa I melibatkan kerja-kerja tanah yang rumit memandangkan keadaan tanah di tapak yang lembut / berpaya. Buat masa ini, kerja-kerja tanah di dalam Fasa I ini telah siap dijalankan dan pemantauan pemendapan tanah akan berterusan sehingga bulan Ogos 2013.

Sekiranya tiada pemendapan tanah berlaku, kerja-kerja bangunan di dalam Fasa II dijangka dapat dimulakan pada penghujung tahun 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah status sebenar lawatan beliau ke Gaza, Palestin, pada bulan Januari 2013 yang lalu, sama ada lawatan sosial (kemanusiaan) atau lawatan rasmi Kerajaan dan apakah hasil daripada lawatan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Marang** di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lawatan YB Menteri Luar Negeri ke Gaza, Palestin pada 22 Januari 2013 yang lalu merupakan satu lawatan kemanusiaan. YB Menteri Luar Negeri telah mengiringi YAB Perdana Menteri semasa melakukan lawatan kemanusiaan berkenaan yang merupakan suatu lawatan bersejarah kerana ianya adalah merupakan lawatan kali pertama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia ke Gaza, Palestin. Lawatan ini menunjukkan kebersamaan antara Malaysia dengan Palestin serta menegaskan bahawa Malaysia telah sekian lama dan akan terus bersama di dalam perjuangan Palestin untuk mencapai kemerdekaan.

3. Semasa lawatan kemanusiaan tersebut, YAB Perdana Menteri telah membuat beberapa komitmen untuk membantu pembangunan semula Palestin. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk membiayai empat (4) projek di Gaza, Palestin dengan nilai keseluruhan berjumlah RM 20.15 juta (USD 6.5 juta). Maklumat mengenai keempat-empat projek berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Projek pembinaan Sekolah Al Madrasah Al Maliziah – RM 12.4 juta (USD 4 juta);
- (ii) Projek pembinaan Bangunan Kerajaan – RM3.1 juta (USD 1 juta);
- (iii) Projek pembinaan Masjid Al-Nour Al-Mohammadi – RM 2.17 juta (USD 700,000.00); dan
- (iv) Projek pembinaan wing Hospital Abdel Aziz Al rantisi – RM 2.48 juta (USD 800,000.00).

4. Kerajaan Malaysia akan menyalurkan dana berkenaan secara berperingkat berdasarkan laporan kemajuan projek (*progress payment*) yang akan dikemukakan oleh pihak pelaksana projek di Gaza, Palestin kepada Kerajaan Malaysia.

5. Adalah diharapkan dengan siapnya pembinaan projek-projek tersebut dapat memberikan faedah serta manfaat kepada rakyat Palestin khususnya di Gaza di samping dapat memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]
TARIKH : 08.07.2013 (ISNIN)

TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peruntukan Kerajaan (subsidi dan sebagainya) bagi tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013, secara terperinci, untuk menyeragamkan harga barangan keperluan asas di Sabah dan Sarawak supaya sama harganya dengan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat di seluruh negara termasuk penduduk di kawasan pedalaman dan luar bandar telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk memastikan bekalan keperluan asas sentiasa mencukupi dan dijual pada harga yang tidak membebankan rakyat. Bagi mencapai matlamat ini salah satu program yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan mengadakan projek pengedaran dan penyeragaman harga barangan perlu seperti gula, tepung, beras, petrol, diesel dan

LPG. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memastikan barangan keperluan yang telah diberikan subsidi oleh kerajaan dapat diperolehi pada harga kawalan pada setiap masa tanpa mengira jarak dan lokasi.

JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN DAN DI AGIH MENGIKUT JENIS PROJEK BAGI NEGERI SABAH DAN SARAWAK ADALAH SEPERTI BERIKUT;

JUMLAH PERUNTUKAN PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA DI SABAH

JENIS PROJEK	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	JUMLAH (RM)
BARANG PERLU	2,640,000	800,000	4,000,000	4,800,000	9,000,000	21,240,000
COMMUNITY DRUMMING (DIESEL & PETROL)	15,000,000	7,600,000	70,000,000	79,000,000	80,000,000	251,600,000
LPG (14KG)	16,000,000	1,800,000	6,000,000	6,200,000	7,000,000	37,000,000
JUMLAH	33,640,000	10,200,000	80,000,000	90,000,000	96,000,000	309,840,000

JUMLAH PERUNTUKAN PROGRAM PENYERAGAMAN HARGA DI SARAWAK

JENIS PROJEK	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	JUMLAH (RM)
BARANG PERLU	2,400,000	7,800,000	30,000,000	33,000,000	50,000,000	123,200,000
COMMUNITY DRUMMING (DIESEL & PETROL)	30,000,000	41,200,000	53,000,000	55,000,000	60,000,000	239,200,000
LPG (14KG)	24,000,000	18,000,000	17,000,000	16,100,000	20,000,000	95,100,000
JUMLAH	56,400,000	67,000,000	100,000,000	104,100,000	130,000,000	457,500,000

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]

TARIKH : 8 Julai 2013 (Isnin)

SOALAN : 59


Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh sebenar projek KLIA 2 akan siap, berapakah kos yang sudah dibelanjakan dan berapakah kos tambahan yang diperlukan akibat penangguhan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh siap yang diberikan oleh kontraktor adalah pada 30 April 2014. Manakala tarikh pembukaan adalah pada 2 Mei 2014 selepas pemeriksaan bangunan dari segi keselamatan dibuat.

Kos Projek pula telah ditetapkan kepada RM 4 bilion dan sebanyak RM 3 bilion telah dibayar kepada kontraktor. Tiada kos tambahan diperlukan akibat kelewatan.



NO. SOALAN : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 08 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, YAB Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat kerana Kerajaan ingin mencari mekanisme yang dapat mewujudkan keseimbangan antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan kaum yang wujud di negara ini selaras dengan peruntukan dan jaminan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Bagi maksud menggubal Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional, Kerajaan telah memulakan inisiatif untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas semua pihak yang berkepentingan mengenai perkara yang perlu ditangani dalam merangka perundangan ini. Kerajaan akan membuat kajian terperinci sebelum memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan mengkaji implikasi pemansuhan Akta tersebut selain mendapatkan pandangan semua pihak yang berkepentingan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindak balas Kerajaan terhadap aduan-aduan yang dibangkitkan oleh Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad terhadap keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dalam mengendalikan aduan daripada orang ramai berhubung salah laku oleh pegawai-pegawai penguat kuasa dan agensi Kerajaan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah dalam menangani isu-isu berbangkit berkenaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini, Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa inisiatif untuk memperkukuhkan Suruhanjaya ini dari segi struktur dan operasinya.

Dari segi isu keupayaan sumber tenaga kerja dan pegawai penyiasat, Kerajaan telah menambah baik dan memperkukuhkan struktur perjawatan Suruhanjaya Integriti dengan meluluskan sebanyak 49 perjawatan pelbagai gred pada 28 Jun 2013. Pertambahan perjawatan ini membawa kepada jumlah perjawatan sebanyak 78 berbanding 29 perjawatan yang diluluskan semenjak 1 April 2011.

Selain daripada itu, bagi isu kekurangan Pegawai Penyiasat, semenjak penubuhan Suruhanjaya ini Pegawai Penyiasat adalah dilantik secara pinjaman daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Namun, dengan pertambahan perjawatan baru ini secara keseluruhannya, Suruhanjaya ini akan mempunyai 12 orang pegawai penyiasat yang boleh dibuat secara pinjaman dan lantikan terus.

Selain penambahbaikan tersebut, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran semua berkenaan integriti, Suruhanjaya Integriti menerusi fungsinya di bawah seksyen 4(1)(e) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], iaitu untuk menggalakkan kesedaran tentang penambahbaikan dan pendidikan berhubung dengan integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan seterusnya mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa telah merencana dan menganjurkan pelbagai aktiviti-aktiviti serta program-program yang boleh menggalakkan kesedaran bukan sahaja kepada agensi penguatkuasaan dan juga pegawai-pegawai penguat kuasa tetapi juga kepada orang awam secara amnya.

Antara aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Integriti sepanjang tahun 2011 dan 2012 termasuklah sesi dialog bersama agensi-agensi seliaan Suruhanjaya, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan juga orang awam. Selain itu juga Suruhanjaya ini menjalankan program-program usahasama bersama agensi lain bagi meningkatkan kesedaran berkenaan integriti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

RUJUKAN : 5481

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha membersihkan Sabah daripada kebanjiran pendatang Filipina yang boleh menggugat keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk mengatasi masalah pendatang Filipina di Sabah, Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan agensi penguatkuasaan yang lain telah menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 serta Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007.

Di samping itu, Jabatan Imigresen Negeri Sabah juga telah mempergiatkan lagi operasi khususnya di kawasan tumpuan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) seperti di kawasan-kawasan tapak pembinaan, kilang, premis perniagaan, ladang, premis kediaman di kawasan pekan dan bandar.

Beberapa siri operasi seperti Ops Kutip, Ops Belanja, Ops Selera, Ops Sayang, Ops Sapu, Ops Mahir telah dijalankan sepanjang tahun 2013 termasuk Ops Bersepadu bersama dengan agensi lain. Daripada beberapa Ops berkenaan, seramai 1,063 orang warga Filipina telah ditangkap untuk tujuan siasatan dan tindakan selanjutnya. Dalam masa yang sama juga, tangkapan terhadap majikan juga dilakukan atas kesalahan menggaji orang asing tanpa pas bagi mengelak kebanjiran pendatang tanpa izin berkenaan.

Jabatan Imigresen Negeri Sabah juga dengan kerjasama Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah telah mempergiatkan dan mempercepatkan proses penghantaran pulang PATI Filipina yang

ditahan di (3) tiga buah Pusat Tahanan Sementara (PTS) Sabah iaitu di Kumanis, Sibuga dan Tawau. Dari Januari hingga awal Jun 2013, seramai 3,015 orang warga Filipina telah ditahan bagi tujuan pengusiran. Manakala dalam tempoh yang sama, ketiga-tiga PTS yang dimaksudkan telah merekodkan pengusiran seramai 3,590 orang warga Filipina ke negara asal.



PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah dan rancangan segera Kementerian untuk mengatasi masalah eksport sarang burung walit (*birdnest*) ke luar negara yang telah berlarutan lebih 2 tahun dan jangkaan pulangan kepada negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil langkah-langkah berikut bagi meningkatkan pengeksportan sarang burung walit, iaitu:

- (i) pihak berkuasa negara Republik Rakyat China (RRC) telah pun bersetuju membenarkan sarang burung walit mentah-siap bersih yang mencapai piawaian nitrit kurang daripada 30 *parts per million* (ppm) dieksport ke RRC;
- (ii) telah menandatangani protokol import sarang burung walit dari Malaysia ke RRC pada 19 September 2012 bagi membolehkan aktiviti pengeksportan sarang burung walit mentah-siap bersih dijalankan semula;
- (iii) meneruskan rundingan bilateral bagi membolehkan pengeksportan sarang burung walit mentah-belum bersih untuk dieksport ke RRC;

- (iv) menyediakan prosedur operasi standard (SOP) pengeksporan sarang burung walit yang ingin dieksport ke RRC adalah bebas penyakit dan memenuhi aspek daya jejak produk (*traceability*) serta keselamatan dan kualiti makanan;
- (v) menggalakkan lebih banyak premis-premis perladangan burung walit mencapai piawaian Sijil Amalan Ladang Ternakan (SALT);
- (vi) menggalakkan lebih banyak premis-premis pemprosesan mencapai piawaian *Good Veterinary Hygiene Practices* (GVHP) dan *Veterinary Health Mark* (VHM) supaya boleh mengeksport sarang burung walit;
- (vii) meningkatkan kerjasama antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar, MARDI dan Universiti Putra Malaysia bagi menggalakkan lebih banyak penyelidikan pemasaran dan daya saing industri sarang burung walit ke arah memperluaskan pasaran produk sarang burung walit; dan
- (viii) memperbanyakkan aktiviti promosi produk sarang burung walit ke RRC dan lain-lain negara termasuk Timur Tengah dan Eropah.

Hasil pemeriksaanaudit ke atas 15 loji pemprosesan sarang burung walit yang memohon untuk mengeksport sarang burung walit ke RRC pada 9 hingga 19 April 2013, pihak berkuasa RRC telah bersetuju, iaitu:

- (i) 9 loji pemprosesan diluluskan dengan bersyarat dibuat penambahbaikan yang dicadangkan oleh pihak *Certification and Accreditation Administration of the People's Republic of China* (CNCA).Pengesahan penambahbaikan akan dibuat oleh pihak berkuasa Malaysia dan memaklukkannya kepada pihak berkuasa RRC;
- (ii) 2 loji pemprosesan akan diberi kelulusan oleh pihak CNCA setelah dibuat pembetulan dan penambahbaikan yang dicadangkan. Pengesahan penambahbaikan akan dibuat oleh pihak berkuasa Malaysia sebelum pihak CNCA membuat pemeriksaan semula audit ke atas loji-loji ini; dan

(iii) 4 loji pemprosesan tidak diluluskan.

Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian akan dapat memulih dan meningkatkan kembali eksport sarang burung walit Malaysia ke luar negara. Adalah dianggarkan jangkaan pulangan sebanyak RM1.08 bilion setahun akan diperoleh hasil daripada eksport sarang burung walit.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 65

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**
menyatakan :

- (a) nilai dan sebab PAAB mengambil alih pinjaman bon syarikat-syarikat air di Selangor; dan
- (b) pelan pembayaran balik pinjaman bon kepada PAAB oleh syarikat-syarikat tersebut dan jumlah yang telah dibayar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Syarikat Acqua SPV Berhad yang merupakan anak syarikat milik penuh Pengurusan Aset Air Berhad telah mengambil alih bon-bon syarikat air di negeri Selangor bernilai RM6.26 bilion. Pengambilalihan ini telah dilaksanakan untuk menstabilkan industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor dan juga mengelakkan kemelut ini daripada menjejaskan keyakinan terhadap pasaran kewangan negara.
2. Jadual pembayaran bagi bon-bon yang diambil alih adalah berbeza-beza sepertimana surat ikatan amanah (*trust deed*) bon-bon tersebut. Majoriti pembayaran sehingga kini telah dibuat mengikut jadual. Di samping itu, Acqua SPV Berhad juga sedang menstruktur semula bon-bon tersebut bagi membolehkan operator-operator air di negeri selangor beroperasi secara sedia kala.

Soalan No: ~~63~~ 66

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN : ~~63~~ 66

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan:

Jumlah petani yang berjaya mendapat subsidi kerajaan dibawah RISDA untuk menanam semula getah dan menanam getah baru di Bahagian Sarikei.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah petani yang mendapat subsidi Kerajaan di bawah RISDA di Bahagian Sarikei adalah terhadap kepada Skim Tanam Semula Getah ke Getah sahaja iaitu seramai 607 orang pekebun kecil dengan jumlah keluasan 1,221.9 hektar. Jumlah peruntukan yang dibelanjakan adalah sebanyak RM16,495,528 juta.

RISDA tidak melaksanakan program Tanam Baru Getah kerana program ini diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) untuk dilaksanakan bagi keseluruhan negeri Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.07.2013

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan menyokong 1Malaysia Development Bhd mengeluarkan bon bernilai US\$6.5 billion melalui Goldman Sach tanpa tender terbuka. Mengapa Kerajaan tidak mengemukakan akaun 1MDB di Parlimen sedangkan pembayaran cukai yang membiayai 1MDB.

JAWAPAN

Tuan yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, 1MDB adalah syarikat strategik milik

penuh Kerajaan yang diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif ekonomi strategik yang akan menghasilkan pembangunan jangka panjang yang mampan. Oleh itu setiap keputusan untuk bekerjasama dengan bank-bank ini tertakluk kepada keperluan setiap transaksi, dan keupayaan terbaik bank-bank yang dipilih untuk memberi pembiayaan bagi urus niaga tertentu. Contohnya, pengumpulan dana secara awam mempunyai kriteria dan komitmen yang berbeza dan selalunya mengambil masa yang lebih lama. Tender terbuka juga mengambil masa yang lama, sedangkan pelaburan atau kerjasama strategik 1MDB perlu dibuat dengan segera. Sehubungan itu, ada ketikanya rundingan terus didapati lebih sesuai dan praktikal.

2. 1MDB juga tidak perlu mengemukakan akaun di Parlimen kerana 1MDB tidak ditubuhkan di bawah akta Parlimen. Ianya ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 telah pun difailkan dan boleh diperolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)**

**TARIKH : 08.07.2013
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilangan syarikat yang menyertai LIMA 2013 serta jumlah urusniaga yang dibuat semasa pameran ini berlangsung. Berapakah MOU yang ditandatangani oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat dari luar negara serta pulangan keuntungan untuk usahawan bumiputera Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 433 jumlah syarikat telah menyertai pameran LIMA`13 yang terdiri daripada 31 buah negara seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut sebanyak 207 (48%) adalah syarikat antarabangsa manakala 226 (52%) adalah syarikat-syarikat pempamer industri tempatan.

Semasa LIMA`13 berlangsung, 24 buah kontrak/memorandum telah ditandatangani dengan nilai berjumlah RM4,271,102,882.50. Di mana bilangan kontrak/memorandum adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 6 buah kontrak telah ditandatangani oleh Kementerian Pertahanan;**
- ii. Sebanyak 3 Surat Setuju Terima (LOA) telah ditandatangani;**
- iii. Sebanyak 11 buah Memorandum Perjanjian (MOA) telah ditandatangani;**

- iv. Sebanyak 4 dokumen perjanjian persefahaman (MOU) telah ditandatangani.**

Tuan Yang Di Pertua,

Kebanyakan syarikat yang terlibat dalam kontrak dan memorandum semasa LIMA'13 ialah merupakan syarikat berstatus bumiputera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 8 JULAI 2013

RUJUKAN : 5484

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dari segi nisbah ataupun jumlah anggota polis mengikut peranan pekerjaan utama mereka pada tahun 2008 sehingga Jun 2013 di kawasan Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggota polis yang bertugas di Ibu Pejabat Daerah Polis Kuching adalah meliputi Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin mengikut jabatan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut :-

TAHUN	BAHAGIAN PENGURUSAN	BAHAGIAN KATRAFIK	BAHAGIAN LOGISTIK	BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH	CAWANGAN KHAS	BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK	BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL	JUMLAH BESAR
2008	499	245	74	131	40	31	16	1,036
2009	509	248	77	135	41	32	16	1,058
2010	668	239	68	125	44	34	15	1,193
2011	673	237	69	125	41	38	16	1,199
2012	675	240	85	128	36	30	16	1,210
2013	708	241	70	122	35	34	17	1,227

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]
TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN:

TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan latar belakang penerima kontrak pembekalan dakwat kekal yang digunakan oleh SPR dalam pilihanraya umum ke-13. Adakah tender terbuka dibuat bagi pembekalan dakwat kekal ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perolehan Dakwat kekal ini dibuat secara Rundingan Terus bagi memastikan kerahsiaan dan keselamatan pembekalan dakwat ini. Sehubungan dengan itu, SPR tidak bercadang untuk mendedahkan latar belakang syarikat pembekal atas sebab-sebab yang dinyatakan.

Sekian. Terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN RAKYAT


PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 8.7.2013 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bilangan laporan mengenai politik wang sepanjang tempoh kempen PRU-13 yang diterima oleh SPRM.



JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa berlangsungnya Pilihanraya Umum ke 13 (PRU ke 13) yang lalu, SPRM telah membuka Bilik Gerakan yang beroperasi 24 jam sehari di seluruh Malaysia bagi memantau dan menerima maklumat sekiranya terdapat kesalahan-kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).

Sepanjang berlangsungnya PRU Ke 13, SPRM telah menerima sebanyak 82 maklumat berkaitan politik wang dan isu-isu pilihanraya. Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU (BATU GAJAH)**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat persempadanan semula kerusi-kerusi Parlimen mengikut prinsip "one man, one value" dan memastikan perbezaan jumlah pengundi antara kerusi-kerusi Parlimen tidak melebihi 15% memandangkan perbezaan jumlah pengundi yang ketara antara suatu kerusi Parlimen dengan yang lain.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak dapat memperseimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Pada amnya kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 2 (c), Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip yang berhubungan dengan penyempadanan bahagian-bahagian pilihan raya. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;

- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN
MD. RAMLI (KUALA KRAI)**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN : NO. 74

... minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan jalan-jalan kampung yang akan
dinaiktarafkan bagi tahun 2013 di Parlimen Kuala Krai.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan kampung yang dinaiktaraf bagi tahun 2013 di Parlimen Kuala Krai di bawah skop Jalan Perhubungan Desa adalah sebanyak empat (4), iaitu:

1. Naik taraf jalan pertanian pekebun kecil luar bandar di Kg. Bukit Pelapong ke Kg. Bukit Serkat dan ke Kg. Mengkebang, Kuala Krai;
2. Naik taraf jalan Kg. Rahmat, Padang Sembilan, Kuala Krai;
3. Naik taraf jalan dari Kg. Lubok Simpol ke Simpang Kg. Bukit Serkat, Kuala Krai; dan
4. Naik taraf jalan Kg. Lubok Simpul Luar, Kuala Krai.

Kesemua jalan-jalan kampung ini telah siap dinaik taraf.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Naik taraf jalan pertanian pekebun kecil luar bandar di Kg. Bukit Pelapong ke Kg. Bukit Serkat dan ke Kg. Mengkebang, Kuala Krai sepanjang 10.0 km dengan peruntukan RM500,000.00.
2. Naik taraf jalan Kg. Rahmat, Padang Sembilan, Kuala Krai sepanjang 1.0 km dengan peruntukan RM160,000.00.
3. Naik taraf jalan dari Kg. Lubok Simpol ke Simpang Kg. Bukit Serkat, Kuala Krai sepanjang 2.0 km dengan peruntukan RM300,000.00 dan
4. Naik taraf jalan Kg. Lubok Simpul Luar, Kuala Krai sepanjang 1.0 km dengan peruntukan RM155,000.00.

Jumlah peruntukan adalah RM1.115 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 JULAI 2013 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

SOALAN :-

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini projek perumahan sakit dan tergendala dan tindakan ke atas pemaju yang gagal "deliver" rumah kepada pembeli. Apakah tahap pelaksanaan konsep/polisi bina dan jual (build and sell) industri perumahan di negara kita.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- Bilangan projek yang dilesenkan oleh KPKT sehingga 31 Mei 2013 adalah **3,762**. Daripada jumlah berkenaan bilangan projek **sakit** ialah **190**, projek **lewat** ialah **28** dan selebihnya sebanyak **3,544** ialah projek lancar.
- Antara tindakan yang diambil oleh Kementerian saya adalah sebagai pemudahcara di antara pemaju, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak utiliti dan pembeli bagi menyelesaikan masalah berbangkit supaya projek dapat disiapkan dengan CFO dan diserahkan kepada pembeli dengan kadar segera.
- Bagi pemaju yang gagal menyerahkan projek pada masa yang ditetapkan, pihak KPKT telah menyenaraihitamkan syarikat pemaju serta pengarah-pengarah syarikat yang terlibat supaya tiada

permohonan lesen/ permit baru atau pembaharuan permit jualan boleh dibuat oleh syarikat dan pengarah yang terlibat dengan projek sakit. Senarai pemaju yang telah disenarai hitam akan dipaparkan di laman web rasmi KPKT untuk rujukan umum dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

- Pelaksanaan Konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) masih diperingkat perbincangan dengan penggiat-penggiat industri perumahan termasuk Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah (HBA), Bank Negara Malaysia (BNM), Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Bank-bank Islam Malaysia (AIBIM) bagi mencari mekanisme pelaksanaan yang terbaik sebelum ianya dilaksanakan bagi memastikan kepentingan semua pihak terjamin.
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan pembinaan rumah melalui konsep BKJ. Ini termasuklah pengecualian syarat pembayaran deposit sebanyak RM200,000 bagi permohonan lesen pemajuan perumahan, pelepasan daripada kuota membina rumah

kos rendah sepenuhnya dan keutamaan *fast lane* bagi semua urusan yang melibatkan pemajuan BKJ. Namun begitu, konsep BKJ ini masih tidak mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pemaju-pemaju perumahan.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Kementerian dan maklum balas yang diterima daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), didapati bahawa antara halangan-halangan utama dalam melaksanakan konsep ini adalah keperluan sumber kewangan permulaan yang tinggi dan kesukaran mendapatkan pinjaman daripada bank/ institusi kewangan bagi melaksanakan projek perumahan secara BKJ. Kedudukan kewangan kebanyakan pemaju tidak kukuh bagi mereka mengendalikan pemajuan perumahan secara BKJ.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Julai 2013

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2013)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH : 8 JULAI 2013 [ISNIN]

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penyimpan Tabung Haji dan nyatakan bilangan penyimpan yang telah mendaftar untuk menunaikan fardhu haji mengikut kategori umur iaitu di bawah umur 12 tahun, 13 tahun hingga 50 tahun dan melebihi 50 tahun.

JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 5 Julai 2013, pendeposit Tabung Haji (*TH*) adalah berjumlah 8.3 juta orang dan daripada jumlah tersebut, bilangan pendeposit *TH* yang telah mendaftar untuk menunaikan fardhu haji adalah berjumlah 1.2 juta orang.

Manakala pendaftaran haji mengikut kategori umur di bawah **12 tahun** adalah berjumlah 77,407 orang (6.3%), **13 tahun hingga 49 tahun** berjumlah 652,349 orang (53.5%) manakala bilangan pendeposit berumur **50 tahun dan ke atas** yang telah mendaftar haji adalah berjumlah 490,671 orang (40.2%).

Sekian, terima kasih.



PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU
TARIKH : 8 JULAI 2013, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek membina 2,300km Lebuhraya Pan Borneo bermula dari Sematan di Sarawak hingga ke Serudong di Sabah akan dimulakan dan dijangka siap. Berapakah kos projek tersebut. Adakah projek ini diberi secara tender terbuka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya komited untuk membina dan menaik taraf Jalan Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Jalan Raya Pan Borneo ini bermula dari Sematan di bahagian barat Negeri Sarawak melalui bandar Kuching – Serian – Sri Aman – Sarikei – Sibul – Bintulu – Miri – Limbang – Lawas dan seterusnya bersambung ke Negeri Sabah melalui Sipitang – Beaufort – Papar – Kota Kinabalu – Sandakan – Tawau – Serudong di sempadan Kalimantan. Keseluruhan jarak Jalan Raya Pan Borneo ini ialah sepanjang 2,239 kilometer di mana keseluruhan jalan tersebut telah berturap aspal. Daripada jumlah tersebut, setakat ini Kerajaan telah sedia menaik taraf laluan sepanjang 248 kilometer kepada laluan 4 lorong (atau 6 lorong) 2 hala manakala bakinya masih di tahap 2 lorong 2 hala atau *single carriageway*.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, perancangan untuk membina dan menaik taraf jalan di seluruh negara dibuat berdasarkan kepada Laporan Pelan Induk Kajian Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau *Highway Network Development Plan (HNDP)*. Laporan HNDP untuk negeri Sabah, Sarawak dan Labuan atau lebih dikenali sebagai HNDP Fasa 2 telah diterbitkan pada tahun 2010. Laporan tersebut antara lain telah mencadangkan supaya Jalan Raya Pan Borneo dinaikkan taraf kepada laluan *dual carriageway* secara berperingkat-peringkat,

bermula dari tahun 2011 hingga 2025. Pembinaan secara berperingkat ini dibuat setelah mengambil kira kos keseluruhan projek yang tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM22 bilion (RM12.5 bilion di Sarawak dan RM9.5 bilion di Sabah).

Pada masa kini Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sedang merancang untuk menaik taraf dan membina Jalan Raya Pan Borneo dalam tempoh *Rolling Plan* ke-4, RMKe-10. Pelaksanaan projek ini akan ditender secara berfasa mengikut senarai keutamaan jajaran yang telah dan akan dikenal pasti. Ini merupakan tambahan kepada peruntukan sebanyak RM457 juta yang telah sedia diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10 untuk Jalan Raya Pan Borneo. Ia melibatkan skop membaik pulih jalan, membina lorong-lorong memotong, rawatan kawasan-kawasan kemalangan (*blackspots*) dan menaikkan aras jalan-jalan yang sering dilanda banjir. Sehingga kini terdapat 109 projek yang terlibat di mana daripada jumlah tersebut sebanyak 74 projek telah disiapkan manakala bakinya masih sedang dalam peringkat pembinaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 8 JULAI 2013

RUJUKAN : 5485

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) apakah tindakan yang telah diambil untuk membanteras operasi mesin kuda yang semakin berleluasa dan serius seperti berlaku di negeri Sarawak terutamanya di Bintulu; dan

(b) apakah kawalan dan tindakan susulan yang dibuat bagi memastikan kegiatan mesin kuda tidak berulang selepas serbuan polis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian berinternet di seluruh Negara. Tindakan tegas sentiasa diambil untuk membanteras aktiviti yang tidak sihat ini.

Bagi negeri Sarawak, dalam tempoh Januari sehingga Disember 2012, sebanyak (371) serbuan telah dibuat terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti perjudian berinternet dan (192) serbuan telah dibuat pada 2013 (Jan - Mei) .Bagi daerah Bintulu pada tahun 2013 (Jan - Mei) sebanyak (13) serbuan telah dibuat terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti perjudian berinternet.

Statistik serbuan serta tangkapan bagi Negeri Sarawak dan bagi daerah Bintulu adalah seperti berikut:-

SERBUAN DAN TANGKAPAN PERJUDIAN MESIN BERKOMPUTER NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2012 SERTA 2013 (JAN-MEI).

SERBUAN		TANGKAPAN (ORANG)		RAMPASAN (UNIT)		RAMPASAN (WANG TUNAI)	
2012	2013 (JAN-MEI)	2012	2013 (JAN-MEI)	2012	2013 (JAN-MEI)	2012	2013 (JAN-MEI)
371	192	685	358	2427	1444	RM81,218.90	RM34,760

**SERBUAN DAN TANGKAPAN PERJUDIAN MESIN BERKOMPUTER
DAERAH BINTULU BAGI TAHUN 2012 SERTA 2013 (JAN-MEI).**

SERBUAN		TANGKAPAN (ORANG)		RAMPASAN (UNIT)		RAMPASAN (WANG TUNAI)	
2012 (JAN-MEI)	2013 (JAN-MEI)	2012 (JAN-MEI)	2013 (JAN-MEI)	2012 (JAN-MEI)	2013 (JAN-MEI)	2012 (JAN-MEI)	2013 (JAN-MEI)
10	13	35	42	88	116	RM6528.00	RM1976.00

PDRM ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan sindiket yang boleh menjejaskan imej negara. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- 1.1 Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian berinternet dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan serta mengkaji kemungkinan mengambil tindakan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2003.**
- 1.2 Membuat permohonan kepada pihak Sarawak Energy untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.**

1.3 Meningkatkan serbuan secara berterusan serta bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta pihak Kerajaan Tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos yang telah
digunakan oleh Kerajaan sepanjang tempoh pilihan raya ke-13 yang
lalu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos perbelanjaan Pilihan Raya Umum Ke-13 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah sebanyak RM400 juta. Antara perbelanjaan utama adalah seperti berikut:-

- (i) Elaun Lebih Masa sebanyak RM5.081 juta;
- (ii) Sewaan Pengangkutan, Barung Semak Daftar Pemilih, Peralatan ICT, Sewaan Talian, Telefon dan Faks dan lain-lain sebanyak RM98,465,000;
- (iii) Bayaran perkhidmatan (urusan cetakan daftar pemilih, cetakan kertas undi, latihan petugas, cetakan borang-borang dan makan minum petugas) dan *honorarium* kepada semua petugas Pilihan Raya Umum adalah sebanyak RM204,100,000; dan
- (iv) Lain-lain perbelanjaan ialah sebanyak RM92,354,000.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH : 08.07.2013 (ISNIN)

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa pihak kerajaan Malaysia telah membuat arahan untuk tidak menerima atau boikot barangan Negara China supaya penjelasan akan memberhentikan kekeliruan ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan atau polisi untuk memboikot barangan daripada Negara China.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]
TARIKH : 8.7.2013
SOALAN :

Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pengiktirafan penuh kepada Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) yang diperakui oleh universiti terbaik di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiktirafan Sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sebagainya. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuka ruang dan peluang kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki UEC dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pada masa ini, KPM masih belum menerima UEC yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sistem pengajaran dan pembelajaran MICSS tidak mengguna pakai dasar dan kurikulum sistem Pendidikan Kebangsaan.

NO. SOALAN : 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

[SUBANG]

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melakukan reformasi Dewan Rakyat dengan melaksanakan sistem jawatankuasa memantau kementerian-kementerian, memberi peruntukan munasabah untuk ahli-ahli untuk membiayai pusat khidmat dan kakitangan, memperuntukkan hari-hari khusus untuk urusan pembangkang, dan beri jawatan pengerusi PAC kepada ahli pembangkang.

JAWAPAN:

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesuatu Jawatankuasa Pilihan adalah berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Ini memberikan peluang kepada Ahli Yang Berhormat membincangkan sesuatu isu yang dirujuk kepada Jawatankuasa berkenaan dengan lebih teliti. Namun demikian, sebarang keputusan untuk menubuhkannya memerlukan perancangan yang teliti agar ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Berkenaan cadangan memperuntukkan hari-hari khusus untuk urusan pembangkang, Peraturan Mesyuarat 15(1) menetapkan bahawa urusan-urusan Kerajaan didahulukan daripada urusan yang lain. Sebarang pindaan berkenaan peraturan ini boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Dalam proses memilih Pengerusi PAC, ia adalah melalui Usul yang dicadangkan dan disetujui dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pihak Kerajaan dan Pembangkang mempunyai peluang untuk membahaskan siapa yang seharusnya difikirkan layak untuk menerajui PAC. Keterbukaan PAC sebenarnya dapat dilihat dengan pemilihan Ahli-

ahli yang seimbang, sama ada daripada penyokong Kerajaan dan Pembangkang. Kepelbagaian ini dapat memastikan PAC menjadi badan pemantau dalam setiap urusan pentadbiran Kerajaan. Dengan demikian, status PAC kini adalah bersesuaian dengan keperluan semasa.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]
TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan Kementerian bagi membantu kakitangan yang berkhidmat dalam jabatan-jabatan Kerajaan yang bertaraf kontrak meneruskan kelangsungan hidup apabila kontrak mereka ditamatkan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberikan latihan pekerja mahir kepada mereka seperti kursus keusahawanan atau tawaran kepada mereka untuk menyambung pelajaran.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui peraturan semasa berusaha untuk melindungi perkhidmatan pegawai kontrak supaya tidak ditamatkan serta-merta di samping diberikan penghargaan atas sumbangan mereka agar dapat meneruskan kelangsungan hidup apabila tempoh kontrak tamat. Dalam konteks ini, pegawai yang ditamatkan kontrak diberikan ganjaran tamat perkhidmatan pada kadar bersamaan sebulan gaji bagi satu tahun perkhidmatan sebagai menghargai sumbangan yang diberikan semasa berkhidmat dengan Kerajaan. Penamatan ini juga dibuat melalui notis 30 hari bertujuan untuk membantu pegawai membuat persediaan awal sebelum perkhidmatan mereka ditamatkan. Sekiranya tempoh notis yang diberikan adalah kurang daripada 30 hari, Ketua Jabatan perlu membayar sebulan gaji kepada pegawai sebagai ganti notis bagi tujuan pampasan untuk kelangsungan hidup sementara mencari pekerjaan baru.
- (b) Semasa berkhidmat di jabatan Kerajaan, pegawai kontrak juga diberi peluang mengikuti program latihan bagi meningkatkan kompetensi supaya pegawai kontrak mempunyai kelebihan semasa melalui proses lantikan tetap. Program (dengan izin) "*Coaching and Mentoring*" juga disediakan oleh Ketua Perkhidmatan tertentu bagi membantu

pegawai untuk membuat persediaan bagi memperbaiki prestasi semasa temu duga dijalankan. Walaupun Kerajaan tidak menyediakan latihan kemahiran atau tawaran menyambung pelajaran untuk pegawai kontrak, pegawai tersebut tidak dihalang **MALAH DIGALAKKAN** untuk mengambil inisiatif bagi mendapatkan peluang mengikuti latihan atau menyambung pengajian.

Sekian. Terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) akan dikuatkuasakan memandangkan kes-kes kematian dalam tahanan polis tidak pernah reda dalam lima tahun yang lepas.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah diluluskan oleh Parlimen pada 2009 bagi mengambil alih peranan cadangan penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikkan Perjalanan dan Pengurusan Polis atau IPCMC. Ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], Suruhanjaya ini telah diberi mandat utama untuk menerima dan menyiasat aduan salah laku anggota penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan Persekutuan.

Suruhanjaya ini telah diberi kuasa untuk menyelia 19 agensi-agensi penguatkuasaan Persekutuan dalam menangani salah laku yang dilakukan oleh anggota penguat kuasa termasuklah yang dilakukan oleh anggota Polis (PDRM). Suruhanjaya ini mempunyai kuasa yang sama seperti mana kuasa yang terkandung dalam *IPCMC* seperti yang dicadangkan oleh, dengan izin, *Royal Commission of Inquiry* kecuali ianya tidak mempunyai kuasa mengambil tindakan tatatertib (disciplinary powers) atau kuasa pendakwaan (prosecution powers).

Kerajaan juga sentiasa mencari langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjadikan Suruhanjaya ini lebih efektif termasuklah kemungkinan memberi kuasa tatatertib. Dalam masa yang sama,

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HJ MOHAMAD IMRAN ABD HAMID
[LUMUT]**

TARIKH : 08 JULAI 2013

SOALAN :

Tuan Hj Mohamad Imran Abd Hamid [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyokong supaya subsidi bahan api diesel kepada pengusaha teksi di Pulau Pangkor dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Semua teksi dan kereta sewa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang menggunakan diesel mempunyai manfaat subsidi diesel pada harga RM1.48 seliter berbanding dengan harga RM1.80 seliter untuk kenderaan persendirian.
2. Oleh yang demikian, semua pemandu teksi dan kereta sewa boleh memohon kemudahan subsidi diesel yang berkenaan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU
(TUARAN)**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN : 86

... minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan memulakan
kerja-kerja naiktaraf Jalan Topokon – Wongkod –
Gontung.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan Topokan – Wongkod – Gontung, Tuaran, Sabah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ke-3 dengan siling peruntukan berjumlah RM32.5 juta yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 12.0km. Pada masa ini, kerja-kerja rekabentuk sedang dijalankan dan dijangka akan ditender pada akhir tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]
TARIKH : 8 JULAI 2013
SOALAN :**

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sudah tiga kali PRU berlalu pembinaan Klinik Kesihatan di Felda Bersia Gerik masih tidak ada kata putus serta pengambilan tanah serta setingan telah diselesaikan. Bolehkah janji tersebut dapat dijayakan dalam penggal ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan Jenis 6, Felda Bersia telah disenaraikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dilaksanakan di dalam Rolling Plan Ke-4, RMK-10 pada tahun 2015. Perlaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi(EPU), Jabatan Perdana Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA (TASEK GELUGOR)
TARIKH : 8.7. 2013 (ISNIN)

SOALAN:

Meminta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan cadangan untuk mewujudkan Program Kerahan Tenaga sebagai persediaan bagi menghadapi ancaman anasir/musuh dari dalam dan luar Negara yang menggugat ketenteraman awam seperti yang berlaku di Lahad Datu, Sabah.

JAWAPAN;

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan belum berhasrat melaksanakan Program Kerahan Tenaga (National Service) sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara lain. Walau bagaimanapun melalui peruntukan perundangan sedia ada, apabila negara dilanda krisis seperti peperangan dan dalam membantu pihak berkuasa awam semasa darurat, Yang di-Pertuan Agong boleh mengerahkan anggota tentera yang telah tamat perkhidmatan yang dikenali sebagai Simpanan Angkatan Tetap (SAT) dan anggota Angkatan Sukarela ATM untuk berkhidmat.

Kerajaan sentiasa mengamalkan penerapan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan rakyat secara sukarela. Kerajaan juga mengamalkan dasar Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang mana, tanggungjawab mempertahankan negara tidak hanya terbeban kepada Pasukan Keselamatan malah merupakan tanggungjawab seluruh rakyat Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI
TARIKH: 8 JULAI 2013
SOALAN:

Tuan Rozman bin Isli (Labuan) minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan masih belum ramai warga tempatan yang bekerja di dalam industri minyak dan gas. Pada masa yang sama, kadar pengangguran sebanyak 5.8%(2010) di Labuan adalah yang tertinggi di Malaysia berbanding 3.6% di peringkat nasional. Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan bagi menyediakan latihan kemahiran khusus untuk industri ini dan mengurangkan kadar pengangguran.
(PR-1311-L55027)

JAWAPAN


Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa sekarang, kursus berkaitan minyak dan gas yang dijalankan di ILP Labuan adalah kursus Teknologi Kimpalan Arka dan Gas sahaja. Pada tahun 2012, seramai 39 pelatih telah dilatih dalam kursus tersebut.

2. Pihak PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memberi tanggungjawab kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk menjalankan Program Khas Minyak, Gas dan Tenaga

dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri yang mendesak pada masakini yang akan bermula pada Julai 2013. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan *Written Instructional Material (WIM)* berdasarkan Petronas Occupational Skill Standard (POSS) bagi bidang *Mechanical, Electrical, Instrumentation* dan *Operation (downstream/upstream)*-Tahap 1,2 dan 3.

3. ILP Labuan antara ILJTM yang telah dipilih untuk menjadi perintis bagi menjalankan kursus-kursus tersebut dan seramai 50 pelatih akan di ambil bagi pengambilan pertama yang dijangka pada Julai 2013, manakala pada tahun 2014 dan 2015 pengambilan akan meningkat kepada 100 pelatih setiap tahun.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI AHMAD [SIPITANG]

TARIKH : 8.7.2013

SOALAN :

Y.B. Datuk Sapawi Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak pinjaman telah dibayar balik kepada PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dibuat oleh Jemaah Menteri pada 18 September 1996 dan PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997. Antara asas penubuhan PTPTN adalah untuk menyokong dasar Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) yang menumpukan kepada penyediaan sumber manusia yang mantap dan mencukupi bagi menampung pertumbuhan ekonomi, khususnya menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Matlamat Kerajaan adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 50% penduduk berumur 17-23 tahun memasuki pendidikan tertiar pada tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini, penambahan tempat pengajian dilaksanakan di IPTA, Politeknik dan IPTS. Bagi mengatasi masalah peruntukan untuk biasiswa yang terhad, PTPTN telah diwujudkan dan telah memberikan sumbangan yang besar ke arah peningkatan jumlah pelajar di IPT tempatan.

Secara keseluruhan sehingga 31 Mei 2013, seramai 1,284,299 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM8.75 bilion. Jumlah ini tidak termasuk seramai 15,372 peminjam yang diluluskan penangguhan bayaran balik

disebabkan menyambung pelajaran atau masih belum bekerja yang melibatkan amaun sebanyak RM129.89 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 866,205 peminjam atau 67.4% telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.11 bilion atau 47.0%. Manakala, sebanyak RM4.64 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 418,094 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar.

Rjm 71



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR
BIN RADIN
(TUARAN)**

TARIKH : 8 JULAI 2013

SOALAN : NO. 91

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan:

- a) Pelaksanaan jalan raya Kg. Kuamut, Kg. Balat, Kg. Bangkulat-Mangkawaguh, Kg. Masaum dan Simpang Jeroko-Kg. Litang; dan
- b) Pelaksanaan bekalan elektrik dan air bersih ke kampung-kampung di daerah Kinabatangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian akan melaksanakan projek Jalan dari Kg. Penangah ke Kg. Masaum, Tongod, Sabah pada tahun 2014 yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 10KM dengan kos berjumlah RM17.5 juta. Bagi pelaksanaan jalan raya Kg. Kuamut, Kg. Balat, Kg. Bangkulat-Mangkawaguh, dan Simpang Jeroko-Kg. Litang pula pihak Kementerian akan menyenaraikan projek-projek tersebut untuk dilaksanakan di bawah RMKe-11 tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM)

Terdapat tiga (3) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sedang dalam pelaksanaan di kawasan Parlimen Kinabatangan dengan anggaran kos berjumlah RM86.25 juta. Projek-projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 15 Mei 2014 dan akan dapat memberi manfaat kepada kira-kira 4,000 buah rumah.

Bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Kementerian telah meluluskan pelaksanaan 6 projek di kawasan Parlimen Kinabatangan dengan kos berjumlah RM101.45 juta dan dijangka akan memberi manfaat kepada 1,665 buah rumah. Sehingga kini, sejumlah 4 buah projek telah disiapkan.

